



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN MAROOF BIN SEMAN  
TOKOH SENI PUISI DAN TEATER**

**OLEH:**

**AHMAD BAIHAQI BIN PAUZI**

**2021870946**

**MUHAMMAD HAZIQ NAQIUDDIN BIN ZULKIPLI**

**2021480932**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN MAROOF BIN SEMAN  
TOKOH SENI PUISI DAN TEATER**

**OLEH:**

<b>AHMAD BAIHAQI BIN PAUZI</b>	<b>2021870946</b>
<b>MUHAMMAD HAZIQ NAQIUDDIN BIN ZULKIPLI</b>	<b>2021480932</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2023– FEB 2024)**

# **PENGHARGAAN**

**PENGHARGAAN**  
*BISSMILLAHIRRAHMANIRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM W.B.T*

Dalam mengusahakan sebuah transkrip ini, Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah bahawasanya kami telah berjaya menyiapkan tugas ini pada tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam menjalankan tugas khusus kami untuk subjek IMR604: Oral Documentation, bagi menyiapkan projek kami iaitu “Transkrip Temubual Bersama Tuan Maarof bin Seman, Mengenai Seni Sastera Puisi dan Teater” dengan jayanya. Sungguh tidak ternilai kerjasama yang telah diberikan sehingga kami berjaya berada di tahap ini.

Jutaan penghargaan diucapkan kepada pensyarah kami iaitu Madam NurulAnnisa Binti Abdullah, yang telah banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang semester ini bagi menyiapkan tugas ini. Kesabaran beliau ketika mencurahkan ilmu dan melayani setiap karenah dari kami amat tidak ternilai dan amat sukar untuk dibalas jasa beliau. Kami bersyukur kerana ditunjuk ajar oleh beliau berpandukan teknik pengajaran dan pembelajaran bersama beliau amat tenang dan tidak pernah putus asa berusaha untuk memastikan kami faham akan setiap apu yang diajar oleh beliau. Beliau juga sanggup menggantikan kelas untuk menerangkan lagi intipati yang seharusnya ada dalam transkrip ini. Ketekunan beliau dalam menyampaikan sesi pembelajaran amat berharga buat kami. Jutaan terima kasih diucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh terpilih, iaitu Tuan Maarof Bin Seman banyak berkongsi pengalaman dan fakta berkaitan puisi dan teater di Malaysia. Beliau begitu terbuka menceritakan teknik, proses, penulisan, teknik pementasan teater dan banyak lagi ketika di temubual. Masa yang diluangkan oleh beliau yang mengambil masa kira-kira dua jam amat berharga. Walaupun sedang sibuk, beliau sudi untuk meluangkan masa bersama bagi berkongsi pengalaman

Tidak terlupa juga ucapan terima kasih dan rasa sayang kepada ahli keluarga kami kerana banyak memberikan dorongan dan suntikan semangat ketika menyiapkan tugas ini. Mereka senantiasa berada di samping kami tidak kira apa juga berlaku. Mereka sering berinteraksi dengan kami supaya kami tidak terlalu fokus kepada kerja yang boleh menyebabkan tekanan dan keletihan mental. Kami amat menghargai jasa mereka yang tidak ternilai. Rakan-rakan juga banyak memberikan panduan dan idea ketika menyiapkan tugas. Kami saling berkongsi idea supaya urusan kami semua dipermudahkan. Kami bersama-sama ingin mencapai keputusan yang baik bagi subjek ini dan terus mengangkat martabat dokumentasi lisan sejarah ini.

## **ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
AB	AHMAD BAIHAQI
MH	MUHAMMAD HAZIQ
TMS	TUAN MAROOF SEMAN
GAPENA	GABUNGAN PERSATUAN PENULIS NASIONAL MALAYSIA
UITM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
USM	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENA	PERSATUAN PENULIS NASIONAL MALAYSIA
PPK	PERSATUAN PENULIS KELANTAN

## **RUJUKAN KATA**

Apetuh	Apa itu
Bercerambuk	Berserabut
Deh	Ya
Dok	Tidak
Emplemen	Implement
Geng-geng	Kumpulan
Hokni	Yang ini
Hoktu	Yang itu
Ha gitu	Ya begitu
Hok yang	Yang itu

Je	Kalau /sahaja
Je lah	Sahaja lah
Kalu	Kalau
Kenape	Kenapa
Kecik	Kecil
Mintak	Minta
Maroh	Marah
Macang	Selalu
Sorang	Seorang
Pulok	Pulak
Promot	Promosi
Situh	Di situ
Pakat	Jemput
paham dok	Faham tak
Pahtu	Lepastu
Pehe dok situ	Faham tak di situ
Panggong	Panggung
Se	Satu
Sesebuah	Sebuah
Sdiri-sdiri	Sendiri
Tokleh	Tidak boleh
Teruh	Terus
Takde	Tidak ada
Tukang bang	Tok Bilal
Takdi	Tadi
Wei	Weh

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**ABSTRAK:** *Transkrip ini mengandungi rakaman temubual bersama seorang penulis puisi dan teater dari negeri Kelantan iaitu Tuan Maarof bin Seman bagi berkongsi pengalaman, fakta berkaitan dan puisi dan teater di Malaysia. Sesi temubual dijalankan pada 3 January 2024 selama 1.58.19 jam bertempat di rumah Tuan Maarof bin Seman. Soalan-soalan dibahagikan kepada enam bahagian. Bahagian pertama berorientasikan soalan am berkenaan latar belakang tokoh tersebut. Bahagian kedua mengenai sejarah pendidikan tokoh. Bahagian ketiga berkaitan kerjaya awal tokoh tersebut sebelum memasuki bidang seni sastera puisi dan teater ini. Bahagian keempat menjustifikasi pengalaman kerjaya tokoh dalam penulisan dan penghasilan puisi, dalam bidang teater dan pementasan teater. Bahagian kelima pula berkaitan sumbangan dan pencapaian tokoh tersebut dalam bidang tersebut. Bahagian terakhir iaitu bahagian enam lebih spesifik kepada harapan tokoh tentang puisi terhadap masyarakat sekarang. Pada penghujung temubual, beliau memberi tips tentang seni sastera puisi dan teater, dan diselitkan sedikit nasihat kepada golongan muda yang ingin menceburi bidang seni sastera ini . Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang kesenian puisi dan teater ini.*

Kata Kunci: Tuan Maarof bin Seman, Seni sastera puisi dan teater, Kesenian, Sejarah lisan.

## **ABSTRACT**

**ABSTRACT:** This transcript contains a recording of an interview with a poetry and theater writer from the state of Kelantan, Tuan Maarof bin Seman, to share experiences, facts related to poetry and theater in Malaysia. The interview session was conducted on 3 January 2024 for 1.58.19 hours at the home of Tuan Maarof bin Seman. The questions are divided into six sections. The first part is oriented to general questions regarding the character's background. The second part is about the history of character education. The third part relates to the early career of the figure before entering the field of literary art, poetry and theater. The fourth part justifies the professional experience of the characters in the writing and production of poetry, in the field of theater and theater staging. The fifth part is related to the contributions and achievements of these figures in the field. The last part, which is part six, is more specific to the character's expectations about poetry for today's society. At the end of the interview, he gave tips about the literary art of poetry and theater, and added some advice to young people who want to venture into this field of literary art. Through this oral history project, it is hoped that the outside community, especially the current generation, will get to know more and more deeply about the art of poetry and theater.

Keywords: Tuan Maarof bin Seman, Literary art of poetry and theater, Art, Oral history.

# **ISI KANDUNGAN**

## **ISI KANDUNGAN**

### **TAJUK**

Penghargaan.....	3
Isi kandungan .....	10
Abstrak.....	7
Biodata tokoh.....	15
Pengenalan .....	17
Transkrip	
Bahagian 1 : Latar Belakang Tokoh... .....	20
Bahagian 2 : Sejarah Pendidikan .....	23
Bahagian 3 : Kerjaya Awal .....	29
Bahagian 4 : Pengalaman Kerjaya .....	35
Bahagian 5 : Sumbangan dan Pencapaian... .....	64
Bahagian 6 : Harapan.....	69
Lampiran	
Log Wawancara .....	78
Diari Kajian.....	82
Senarai Soalan.....	86
Surat Perjanjian.....	98
Gambar.....	100
Sijil Penghargaan .....	100
Indeks.....	103

# **BIODATA PENEMU BUAL**

## **BIODATA PENEMUBUAL**

### **BIODATA PENEMUBUAL 1**



**NAMA : AHMAD BAIHAQI BIN PAUZI**

**TARIKH LAHIR :**

**TEMPAT LAHIR : KELANTAN**

**ALAMAT :**

KELANTAN

**NO. TELEFON :**

**EMEL :**

**PROGRAM : IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT**

**BIODATA PENEMUBUAL 2**



**NAMA : MUHAMMAD HAZIQ NAQIUDDIN BIN ZULKIPLI**

**TARIKH LAHIR :**

**TEMPAT LAHIR : KELANTAN.**

**ALAMAT : KELANTAN.**

**NO. TELEFON :**

**EMEL :**

**PROGRAM : IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT**

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**

Biodata tokoh



**NAMA : MAAROF BIN SEMAN**

**NAMA PANGGILAN : ENCIK MAAROF**

**TARIKH LAHIR :**

**TEMPAT LAHIR : KUBANG KERIAN KELANTAN**

**ALAMAT : KOTA BHARU  
KELANTAN**

**NO. TELEFON :**

**PROFESION : JURULATIH TEATER DAN PUISI**

**BIDANG : SENI SASTERA PUISI DAN TEATER**

# **PENGENALAN**

## **PENGENALAN**

Transkrip temubual ini berkisarkan tentang tokoh seni dalam bidang puisi dan teater iaitu Tuan Maroof bin Seman atau lebih dikenali sebagai Encik Maroof. Temubual ini dijalankan pada 3 Januari 2024 di rumah Tuan Maroof bin Seman yang terletak di Kubang Kerian, Kelantan. Sesi temubual ini dijalankan pada jam 3 petang hingga 5 petang. Beliau cukup terkenal dalam bidang seni puisi dan teater. Encik Maroof telah dilahirkan di Kubang Kerian, Kelantan pada sekitar tahun . Beliau juga merupakan antara tokoh-tokoh yang terkenal dalam bidang puisi atas pencapaian beliau yang menjadi juara Sayembara Deklamasi Puisi Peringkat Kebangsaan.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam lima puluh sembilan minit. Justeru itu, temubual ini dipecahkan kepada enam bahagian iaitu Latar Belakang Tokoh, Sejarah Pendidikan, Kerjaya Awal, Pengalaman Kerjaya dalam Penulisan dan Penghasilan Puisi, dalam Bidang Teater, Pementasan Teater, Sumbangan dan Pencapain dan akhir sekali mengenai Harapan. Sedikit ringkasan mengenai biografi atau latar belakang Maroof bin Seman, beliau lebih dikenali sebagai Encik Maroof di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan. Selain dalam bidang puisi, beliau juga seorang jurulatih teater yang mahir dalam pelbagai jenis teater termasuk teater kanak-kanak, komedi dan lain-lain..

Menurut kamus Kamus Bahasa Melayu (Kamus Dewan dan Bahasa Edisi Keempat), perkataan seni boleh ditafsirkan sebagai karya yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan yang mempunyai nilai keindahan dan memberikan kepuasan citarasa kepada peminatnya seperti lukisan, muzik, tarian, dan ukiran. Manakala, puisi pula didefinisikan sebagai wujud karya sastra yang memakai kata-kata indah dan penuh makna. Manakala teater pula didefinisikan sebagai kisah atau cerita dalam satu kawasan yang ditentukan sebagai pentas untuk perlakuannya dan menuntut pergerakan fizikal dengan komponen aksi dan reaksi para pelaku. Puisi dan teater, dua bentuk seni yang berbeda, memiliki bahagian masing-masing yang unik. Puisi ditandai oleh struktur seperti strofa dan baris, seringkali mengandung elemen-elemen seperti rima dan metrum, serta mengeksplorasi ekspresi pribadi dan emosional melalui penggunaan bahasa yang kreatif. Di sisi lain, teater melibatkan elemen visual dan pergerakan fizik, termasuk setting panggung dan pementasan langsung oleh aktor.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Seni Sastera Bersama kami ialah Tuan atau lebih dikenali sebagai Encik Maarof merupakan seorang jurulatih teater dan penulis puisi tradisional. Rakaman ini dijalankan pada tarikh bersamaan 3 Januari 2024 hari Rabu pada jam 3 petang secara bersemuka. Temubual ini dikendalikan oleh Ahmad Baihaqi bin Pauzi dan Muhammad Haziq Naqiuddin bin Zulkipli . Dengan segala hormatnya temubual ini dijalankan. Berikut adalah hasil rakaman.

Penunjuk :

TMS : Tuan Maarof Seman

AB : Ahmad Baihaqi

MH : Muhammad Haziq

### **BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH**

**MH** : Assalamualaikum, — saya, Muhammad Haziq Naqiuddin Bin Zulkipli dan juga bersama rakan kerja saya iaitu Ahmad Baihaqi bin Pauzi. Aaaa hari ini kami berada di Kubang Kerian Kelantan dan niak akan menemu ramah seorang tokoh.

**AB** : Okey, boleh kita masuk dengan soalan pertama. Aaa apakah nama penuh tuan?

**TMS** : Ya assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Terima kasih, atas pertanyaan — dan juga hadir ke . Saya, Maroof Bin Seman juga aaa keberang kebanyakan orang akan panggil saya encik lah, kerana saya bertugas di jabatan kebudayaan dan kesenian negara, negeri Kelantan.

Dimanakah tuan dilahirkan dan dibesarkan ?

**AB** : — Saya dilahirkan dan dibesarkan di ni yang tepat anda berada sekarang.

**TMS** : Okey, bolehkah tuan ceritakan secara terperinci mengenai latar berakang.. Latar belakang tentang diri tuan.

**MH** : — Seperti yang saya sebutkan tadi, nama itu Maroof Bin Seman dilahirkan pada dan aaa depa kecil sehingga dewasa saya memang bersekolah lah di

**TMS** : sekolah kebangsaan kubang kerian dan juga sekolah menengah kebangsaan kubang kerian. — mungkin selepas ini akan saya citakan sedikit lah tentang latar belakang pendidikan dan dan dan se sebagainya oleh kerana ada persoalan-soalan yang akan di nampaknya akan ditanyakan nanti.

Jika tidak keberatan, bolehkah tuan ceritakan serba sedikit mengenai keluarga tuan?

**AB** :

**TMS** : — untuk pengetahuan ya, nama ibu saya , nama bapa aaa , aaa saya mempunyai tiga orang adik beradik aaa dua lelaki dan seorang — seorang perempuan — saya merupakan anak bongsu daripada — anak tiga beradik tadi dan untuk makluman juga anak kedua yaitu abang, abang kandung saya telah meninggal dunia (bunyi masak di dapur) yaa maknanya sekarang saya auu ada hanya ada dua dua orang ajelah [sahaja] adik beradik. — dan seterusnya saya — telah rumah tangga pada .. — sembilan be las hari bulan sembilan tahun sembilan puluh satu...sudah berapa tahun *eh* [ya] aaa dah tiga puluh *pat* [empat] tahun kot. ya dan aaa.. isteri saya bernamaaa Tengku Anizan *bin* [binti] Tengku Ibrahim umur isteri *limapuluhan* [lima puluh] tujuh tahun, dan beliau merupakan suri rumah sepenuh masa (bunyi buka buku). seperti yang saya sebutkan tadi — perkahwinan kami adalah pada sembilan belas haribulan sembilan sembilan belas sembilan puluh satu (tarik nafas) dan — kami mempunyai *nam* [enam] orang anak — lima perempuan dan satu lelaki — nama nama mereka adalah aaa Nik Amirah Nur Nadrah (tarik nafas) Nik Amirah — Nur Izyani, Nik Amirah Noraisyah, Nik Amirah Nur Umairah, Nik Amirah Nor Maisarah dan Nik Amir *Zukarnai* [Zulkarnain]. — hm anak aa pertama telah pon bekerja di Kuala Lumpur dan anak kedua juga — seorang merupakan seorang guru juga be aaa bertugas di Kuala Lumpur yang nombor tiga — (bunyi masak di dapur) telah pun — berkahwin nombor empat aaa telah pun menghabiskan aaa pelajarannya di UITM Pulau Pinang

kelima sedang bekerja di Kuala Lumpur dengan aa syarikat swasta dan yang ke *nam* [enam] akan — (tarik nafas) mmmm mengambil peperiksaan SPM pada aaaa tahun ini lah, tahun dua kosong dua empat (bunyi masak di dapur) (tarik nafas) — dan — apabila bercakap tentang hobi ini saya *takboleh* [tidak boleh] nak nak nak — maklumkan la sebab saya sebenarnya hobi kalau masa kecil dulu adalah hobi memancing itu hobi saya yang paling ni lah dan juga bersukan memandangkan aaa waktu saya sekolah rendah dulu ada sa saya merupakan aa antara pelajar kalau bab sukan ni memang seorang pelari yang yang paling laju lah. di kalangan aa pelajar pelajar lain — khususnya seratus meter dua ratus meter dan empat ratus meter. Memang saya memonopoli lah ha — kejuaraanya dapat nombor satu *sokmo* [selalu] piala piala pon pia piala da dah habis bnyak dah tengelam oleh kerana aa banjir jadi tak boleh nak tunjuk. Itu *jelah* [sahaja].  
Ok.

## TAMAT BAHAGIAN 1

## BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN

**MH** : Okay jadi kita akan masuk kepada soalan bahagian B iaitu sejarah pendidikan.

*Kay* [okay], bolehkah tuan ceritakan aaa serba sedikit mengenai sejarah

pendidikan bermula dari sekolah rendah hingga sekolah menengah dana adakah tuan melanjutkan pengajian ke peringkat universiti ?

TMS : — saya — bersekolah di sekolah rendah kebangsaan kubang kerian dan sekolah menengah pon di sekolah menengah kebangsaan kubang kerian. Pada tahun sembilan belas sembilan puluh...sembilan belas lapan puluh — sembilan *sorry* [maaf] sembilan belas tujuh puluh lapan, saya melanjutkan pelajaran di sekolah menengah vokasional Pengkalan Chepa sehingga sembilan belas sembilan puluh dan — memandangkan pada waktu itu — pelajar-pelajar daripada sekolah vokasional tidak — tidak di pandang elok lah pada waktu itu sebab sekolah vokasional ni merupakan sekolah yang terpinggir sifatnya pada waktu itu. — jadi saya bertekad untuk mengambil balik — spm di satu sebuah sekolah salah sebuah sekolah swasta lah iaitu dulu dipanggil madrasah rahmah kenali, sekarang kita panggil — ape benda saya pon tak pasti tapi madrasah rahmah di — jalan Binjai *deh* [ya] jalan nk pergi ke Wakaf Stan, ingat tak ? — *situh* [disitu]. Jadi selepas *tu* [itu] dapat la keputusan pon tidak membanggakan lah, jadi.. Bermula daripada situ lah jadi tiket SPM tadi tanpa *ambik* [ambil] — sijil daripada sekolah *men..* Vokasional  
Jadi, — saya *mintak* [minta] bekerja di — jabatan kebudayaan kesenian lah pada waktu tu dipanggil pejabat kebudayaan dan kesenian wilayah timur ha jadi, pada waktu yang aaa saya minta tu *takda* [tak ada] kerja yang diberi pada saya yang sesuai jadi saya oleh kerana memandangkan saya ada sikit kepakaran berkaitan dengan puisi dan teater jadi — diambil la oleh pengarah

untuk bertugas sebagai jurulatih dipanggil waktu itu tapi sambilan sahaja bersifat sambilan sahaja. Walaubagaimanapun, walaupun bersifat sambilan —...memang sangat bersyukur kerana ruang dan peluang yang diberi oleh jabatan pada waktu itu di dalam banyak juga la usaha-usaha kearah memperkenalkan kata puisi dan teater yang saya usahakan semasa berada di jabatan terebut la. Seterusnya pada tahun lapan puluh lapan saya melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia. Waktu itu dipanggil sijil penulisan kreatif dalam bidang seni kreatif la maksud disitu adalah —lebih kepada penulisan dalam penulisan tu ad — memanglah tak boleh lari daripada puisi, syair, sajak, drama yang yang *se* [satu] aliran dengan nya lah dan aa seterusnya pada tahun sembilan belas sembilan puluh lapan, saya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya — waktu itu dipanggil aaa pengurusan seni, ada satu bidang dipanggil pengurusan seni. Jadi selepas itu, saya balik aaa belajar daripada universiti, terus dap — dapat peluang bertugas di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara di negeri Terengganu. Aaa em maka disana pada waktu yang sama pada masa yang sama waktu itu, walaupun sudah ada istilahnya sijil di universiti tapi pangkat saya waktu itu adalah hanya — di di pejabat itu adalah pembantu am rendah iaitu aaa kalau kalau nak kira pencari fail apa gitu lah lebih kurang dan alhamdulillah aaa kebetulan pada masa yang sama juga dikeluarkan satu aaa perjawatan untuk mem..untuk jawatan sebagai pegawai kebudayaan yang saya minta dengan sijil yang saya ada daripada Universiti Malaya tadi, *di interview* [temuduga] dan segala *macang* [semua] alhamdulillah saya dapat aaa pada jawatan tu lah dan aaa pada dua ribu..dua

ribu sepuluh saya telah ditukarkan ke daripada terengganu di..di apa ya..di. — ditukarkan lah ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara negeri Kelantan.. — pada satu hari bulan aaa satu hari bulan tiga..tahun dua.. — dua ribu sepuluh, jadi saya bertugas di sana sehingga lah pada akhirnya — sehingga bersara lah di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

**MH** : Okay — apakah subjek kegemaran Tuan sewaktu di sekolah ?

**TMS** : — sebenarnya apabila nak.. nak bercakap tentang subjek yang yang diminati sangat susah sebenarnya sebab minat semua minat (ketawa halus) pada waktu yang.. tetapi — pada masa yang sama juga aaa... saya teringat pada satu guru yang seorang guru yang.. yang sangat mengambil berat tentang anak murid dia dan dia juga mengajar bahasa inggeris, jadi oleh kerana waktu itu, bahasa inggeris ni tidak.. *tidak ni sangat* [tak berapa] jadi saya tapi oleh kerana cikgu tu baik — jadi minat ke arah aaa penguasaan bahasa inggeris pada waktu itu sudah pun ada. Kalau pun, pelajaran-pelajaran lain juga aaa diminati sebenarnya, saya tidak ada fokus pada mata pelajaran yang yang *apetuh* [yang itu] yang ni lah yang paling kita minati tak ada.

**MH** : — Adakah Tuan meminati jurusan yang di ambil Tuan sewaktu di peringkat universiti ?

**TSM** : — memang ya memang sebab pemilihan untuk ke universiti itu dan pada

waktu yang sama adalah minat saya kepada jurusan yang saya ambil jadi tidak dinafikan sama sekali lah maknanya kita belajar tu dengan minat dan bakat yang — telah kita ada.

**MH** : — Semasa belajar, apakah persatuan yang pernah Tuan sertai ?

**TMS** : — setakat yang saya ingat lah saya tidak ada — persatuan yang saya sertai cuma — saya mengikuti setiap perkembangan sama ada dari persatuan — yang ditubuhkan persatuan teater di universiti atau pun ada — persatuan di universiti tu saya ikut tapi saya *tidak menganggotai* [ tidak terlibat] lah— persatuan tersebut. Itu *je* (sahaja).

**MH** : — Pernahkah Tuan menyertai apa-apa pertandingan yang berkaitan dengan seni di sekolah dahulu ?

**TMS** : — seingat saya di — masa di sekolah rendah , saya telah pun — bertanding syair, saya ingat lah masa darjah lima dulu. Itu yang saya ingat sampai sekarang lah — saya tak tahu apakah selepas tu ataupun sebelum itu saya ada pertandingan-pertandingan yang lain tapi seingat saya memang — waktu darjah lima tu pun saya dah dah ada — diberi satu peluang oleh cikgu untuk bersyair untuk ke pertandingan lah antara sekolah-sekolah di Kota Bharu tapi saya ingat saya tak ada menang apa apa lah cuma waktu permulaan situ dia punya — seni dalam bidang seni tu lah.

**AB** : Bolehkah Tuan ceritakan sedikit pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang menjalani pengajian di universiti ?

**TMS** : Memang — sejarah panjang sebenarnya kalau yang tidak dapat dilupakan tapi secara umumnya — tidak dapat dilupakan adalah bagaimana kita nak *struggle* [bersusah payah] bagaimana kita nak, bagaimana saya nak *survive* [bertahan hidup] nak hidup di universiti waktu itu memandangkan — kemiskinan lah istilahnya kekurangan dana untuk belajar di universiti memerlukan kos yang banyak untuk fotostat buku dan sebagainya dan makan minum serta — sewa rumah, menyewa di rumah sebab saya tidak dapat asrama jadi terpaksa menyewa di luar kawasan di universiti tersebut tapi alhamdulillah juga lah kerana kita ada kawan-kawan yang membantu — samada dari segi apa ni sewa rumah — dan juga dari segi makan minum lah sepanjang pengajian di USM. memang saya rasa pengalaman ini tidak dapat lupukan untuk generasi yang baru memang tidak dapat merasai lah suasana itu sebenarnya. —

**MH** : Adakah Tuan pernah mengikuti kursus-kursus profesional yang lain ?

**TMS** : — saya tidak tak faham sikit *eh* [ya] tentang profesional ni — yang dimaksudkan — kursus yang bersifat profesional ni semasa di universiti tu — sebenarnya bidang yang saya ceburi itu — bidang pengajian saya ceburi itu sebenarnya sudah bersifat — sudah bersifat profesional lah sifatnya sebab apabila kita berada di universiti itu dengan tokoh-tokoh hebat yang mengajar kita tu, maknanya kita belajar ke arah profesional sudah lah pembelajaran kita itu apabila kita berada di tahap universiti. — jarang sebenarnya seingat saya tidak ada pengalaman manis lah yang — saya hadapi pada waktu belajar di universiti ya, kebanyakan pengalaman yang — tidak pahit sebenarnya tapi

pengalaman yang memerlukan tenaga dan pikiran yang cukup besar cukup hebat lah — untuk menjalani kehidupan belajar di universiti pada waktu itu. Itu *je* [sahaja]. Tak ada kenangan manis sebenarnya. (bunyi buka kertas)

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3 : KERJAYA AWAL

**MH** : Okay untuk bahagian c, — kerjaya awal.

Bolehkah Tuan terangkan kerjaya pertama Tuan setelah tamat pengajian ?

**TMS** : — seperti yang saya sebutkan tadi *eh* [ya]. Pada waktu saya belajar di universiti itu saya telah pun bertugas sebagai — jurulatih teater dan puisi itu pada tahun sembilan belas sembilan puluh — dua saya bermula disitu bertugas sebagai jurulatih sambilan, baik. Selepas — itu saya belajar di universiti, habis universiti di universiti tapi masih dalam saya bertugas sebagai — pembantu am pejabat tu di pejabat kebudayaan. Pada waktu saya bertugas sebagai *office boy* [budak pejabat] ni — pembantu pejabat ni waktu tu lah saya pergi belajar, apabila habis belajar, saya balik bertugas sebagai pembantu am pejabat dan ketertulian pada waktu yang sama, ada — dibuka ya perjawatan sebagai pegawai kebudayaan. Jadi alhamdulillah, dengan erti kata lain maknanya saya sudah bekerja sebagai pembantu am pejabat tapi pada masa yang sama — juga

apabila sudah di *interview* [temuduga] dan segala *macam* [semua] tu, dapat kepada jawatan yang baru iaitu pegawai kebudayaan. Itu cerita dia, jadi — sepanjang perjalanan dalam kerjaya saya adalah di jabatan kebudayaan dan kesenian negara sama ada di Terengganu atau pun Kelantan. Saya tak pergi ke pejabat pejabat lain — sebab jawatan pegawai kebudayaan ini kita tak boleh nk pindah *gi* [pergi] lain-lain — kementerian kecuali di bawah kementerian pelancongan seni dan budaya Malaysia, yaa itu.

**MH :** Tuan pernah berkhidmat di jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan, apakah tugasan yang digalas oleh Tuan ?

**TMS :** — apabila dilantik sebagai pegawai kebudayaan , saya telah diarahkan untuk mengawasi atau pun menjaga seramai lapan belas artis budaya di negeri Kelantan dimana artis budaya itu adalah artis bersifat kontrak dan mereka ditugaskan untuk membuat persembahan kebudayaan dan kesenian. Jadi saya — peranan saya adalah — istilah nya mentadbir la sebagai pentadbir artis budaya di jabatan — dan dimana jika ada persembahan-persembahan yang akan di..nak di buat jadi — saya adalah — akan mengarahkan mereka untuk membuat program lah untuk sama ada dari segi tarian atau pun dari segi lakonan atau dari segi persembahan-persembahan lain lah contoh khususnya kalau di Kelantan ni — saya akan mengurus tentang persembahan Makyong contohnya — persembahan Mak Yong oleh artis budaya itu. Mak Yong dan tarian dan juga lakonan. Itu tiga aspek yang..yang khusus lah di samping yang lain tu ada *jugak* [juga] sebenarnya tertakluk kepada kehendak daripada

jabatan-jabatan lain sesuai dengan — persembahan yang akan dibuat sama ada perasmian dalam bentuk perasmian ke dan apa dan kita akan sesuai kan lah jadi anak-anak artis budaya dibawah takbiran, dibawah saya akan — berkumpul dan akan membincangkan lah — persembahan yang sesuai sama ada Mak Yong ke sama ada tarian persembahan untuk perasmian ke dan sebagainya, ya itu lah.

**AB** : Bagaimanakah Tuan boleh menceburkan diri dalam bidang seni sastera dan siapakah yang memberi Tuan dorongan untuk menjadi seorang seni sastera ?

**TMS** : — seperti yang saya sebutkan terdahulu — ini sebenarnya bermula proses saya meminati sastera ini bermula pada tahun sembilan belas lapan puluh tiga lagi. Tu sebenarnya, jadi maknanya begitu lama juga lah — saya memang minat untuk menjadi orang seni sastera nih [ini] dan untuk makluman juga saya merupakan ahli — persatuan penulis nasional ahli seumur hidup — penulis nasional itu adalah PENA [nama persatuan] ,PENA singkatan daripada persatuan PENA. Saya juga merupakan ahli seumur hidup persatuan penulis ataupun persatuan sasterawan negeri Terengganu ataupun pelita Terengganu ahli seumur hidup juga. Seterusnya saya adalah — ahli jawatankuasa grup teater asyik Terengganu dibawah Marzuki Ali dan saya juga adalah ahli persatuan penulis Kelantan atau PPK. — Jadi, oleh kerana minat saya sebenarnya daripada tahun sembilan belas lapan puluh tiga — itulah pembawa kan saya sampai sekarang, jadi alhamdulillah — sebagai seorang yang terlibat secara khususnya dalam bidang seni dan sastera lah hingga kini.

**AB** : Selalunya akan ada seorang idola yang boleh inspirasi kepada seseorang. Jadi saya nak tanya Tuan, Tuan ada idola yang memberi inspirasi kepada Tuan untuk menceburi bidang ini ?

**TMS** : — istilah saya sebenarnya tidak ada idola sebenarnya tapi — saya mempunyai rasa kekaguman kepada beberapa orang tokoh-tokoh seni sama ada seni puisi , seni sastera ataupun seni teater. Bukan idola pada saya ya tapi imej yang mereka ada tu membuatkan saya tertarik untuk mengikuti untuk bersama — untuk mendalami ilmu contohnya kalau dari segi teater contohnya ya — orang yang saya hubungi ataupun orang yang — adalah Allahyarham Abdul Aziz H.M, dia merupakan pemimpin grup teater Malini Kelantan pada waktu itu. Jadi — saya bersama-sama dengan beberapa orang teman — bersama-sama mereka dalam grup itu lah dalam persatuan itu. Jadi melalui — bermula daripada situ, saya terdengar lah bahawa di Terengganu ada salah seorang tokoh iaitu saudara Marzuki Ali. Jadi, untuk mendalami — berkaitan dengan seni budaya ni, kami beberapa orang daripada Kelantan ke Terengganu untuk — lebih mendalami lah soal seni sastera dan seni teater ni. Jadi bermula daripada situ lah maknanya — saya terlibat dengan — seni dan budaya secara khusus lah. Mereka bukan merupakan idola tapi mereka merupakan kekuatan — imej penampilan mereka dengan ilmu yang dia ada tu, jadi saya berasa ingin mendalami tapi bukan soal idola disitu.

**AB** : Apakah kejayaan yang tidak boleh dilupakan oleh Tuan semasa berada dalam bidang ini ?

- TMS** : — kejayaan *eh* ? [ya]
- AB** : Kejayaan tidak boleh dilupakan Tuan semasa berada di dalam bidang ini.
- TMS** : — yang pastinya adalah yang tidak dapat dilupakan kerana — saya merupakan johan Sayembara Deklamasi Puisi peringkat kebangsaan itu memang kita tak boleh nak lupa lah, kan? Itu yang utama sekali yang tidak dapat lupakan maknanya sepanjang hayat tu memang dah *termaktuk* [tertakluk] bahawa saya merupakan johan Sayembara Deklamasi Puisi hari kebangsaan peringkat kebangsaan dan untuk makluman — juga dalam bidang puisi ni bergiat daripada sembilan belas lapan puluh tiga lagi dan dalam Sayembara ni maksud Sayembara itu adalah pertandingan ni bermula pada tahun sembilan belas lapan puluh tujuh lagi. Selain daripada itu, *macam* [seperti] teater dan selebihnya itu tidak ada lah kejayaan yang boleh kita ungkapkan lah — selepas ini saya akan cerita lebih berkaitan dengan teater.
- AB** : Bolehkah Tuan ceritakan pengalaman manis Tuan semasa menceburi bidang seni sastera ini ?
- TMS** : — apabila bercakap tentang — soal manis dan pahit dalam bidang yang kita ceburi ni sebenarnya memang cukup banyak sebenarnya tetapi tidak boleh saya nak khususkan apa itu — cuma nak bagitahu memang dalam, kita berada dalam bidang seni dan budaya ini kita tak boleh lari sebenarnya daripada kenangan pahit dan manis sebenarnya tapi secara peribadi saya tidak menceritakan soal — satu hal yang betul-betul manis ataupun satu hal yang

betul-betul pahit dalam bidang ini . Sebenarnya itu merupakan pahit — dalam kita berhadap dengan alam seni dan budaya secara peribadi.

**AB** : Apakah cabaran yang dihadapi Tuan semasa menceburi bidang seni sastera ini ?

**TMS** : — Seperti yang saya sebutkan sebelum ini — sebenarnya apa yang paling — mencabar dalam hidup saya sebagai orang seni ni — sebenarnya adalah — masalah kewangan sebenarnya sebab apabila kita tidak ada kerjaya yang boleh menampung dari segi kos dan kita hanya bertekad untuk mendalami sahaja tanpa ada — dibantu oleh nilai kewangan tadi, jadi disitu lah kita terpaksa menghadapi satu ruang yang — susah lah sebenarnya tetapi ada hikmah sebenarnya dengan kita tidak ada kewangan yang kukuh disamping kita dengan keluarga kita pun — tidak dapat memberikan dari segi kewangan tadi jadi benda-benda itulah yang membuat kita terpaksa *survive* [bertahan] untuk hidup dan untuk berada dalam situasi dan kondisi seni dan budaya secara peribadi saya. Memang (bunyi burung) amat sukar lah nak cerita satu *part* [bahagian] yang ,mana paling pahit, *part* [bahagian] yang mana yang paling manis. Semua ada pahit dan manis, setiap pergerakan saya dalam bidang seni dan budaya memang tak boleh lari dah — pahit dan manis tu sentiasa ada, ia tidak boleh nak fokus dengan manis — tak boleh.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

## **BAHAGIAN 4 : PENGALAMAN KERJAYA DALAM PENULISAN DAN PENGHASILAN PUISI**

**MH** : Okay, jadi kita akan teruskan kepada bahagian D iaitu pengalaman kerjaya dalam penulisan dan penghasilan puisi.

Jadi soalan yang pertama. Bagi penghasilan puisi pula, adakah ianya sukar ?

**TMS** : Jap ya saya — sebab apa melibatkan tentang kaedah-kaedah puisi dan sebagainya saya harus merujuk lah sedikit sebanyak, apabila kita nak bercakap dengan — soal sukar dan sebagainya ya cuma saya nak — memaklumkan bahawa untuk menghasilkan — sebuah puisi yang baik itu ada beberapa kaedah lah dan pada saya secara peribadi sebenarnya tidak sukar dengan maksud disitu apabila kita — belajar ya aspek-aspek dalam menghasilkan sebuah puisi khususnya pada saya oleh kerana pada tahun — masa saya belajar di Universiti Sains Malaysia, saya sudah pun ada — ruang dan peluang untuk menghasilkan karya daripada tahun sembilan belas lapan puluh tiga lagi saya sudah pun menghasilkan puisi — daripada pengalaman-pengalaman (bunyi batuk) itu lah yang dibawa kepada universiti tadi tapi kalau kita bercakap tentang pada tahun sembilan belas lapan puluh tiga tu, seperti saya katakan tadi lah makna imej saudara Marzuki Ali juga sebagai seorang tokoh teater dan tokoh puisi, jadi saya banyak mendalami lah ilmu-ilmu, banyak baca buku di — rumah beliau. Buku-buku berkaitan dengan menghasilkan — *sesebuah* [sebuah] puisi lah. Jadi sebenarnya pada akhirnya nak dikatakan bahawa sebenarnya apabila kita sudah belajar kaedah atau pun asas bagaimana untuk

menghasilkan sebuah puisi yang baik, rasa tak ada masalah, bukan suatu yang sukar sebenarnya.

**AB** : Adakah gaya bahasa di dalam puisi itu penting dan perlu dititik beratkan ?

**TMS** : — saya rasa keseluruhan — teman-teman penulis bersetuju ya, bersetuju bahawa — gaya bahasa dalam *sesebuah* [sebuah] puisi adalah penting, sangat penting. Dimana — melibatkan penggunaan tu maksudnya disitu adalah penggunaan bahasa yang kreatif, yang ada — contohnya *macam* [seperti] metafora, simbol ritme, gaya penulisan untuk menyampaikan makna dalam sebuah puisi.

**AB** : Bagi menyiapkan puisi, adakah ia mengambil masa yang lama ?

**TMS** : — sebenarnya itu terserah kepada penulis itu sendiri tapi pada saya, ada yang sukar, kadang-kadang — sukar dan kadang-kadang boleh menghasilkan puisi dalam yang pendek sahaja. Terserah kepada *mood* [emosi] — dan juga dari segi pembacaan. Pada waktu yang sama jika ada isu, isu-isu yang besar contohnya dalam negara maupun isu-isu politik dan — mungkin idea-idea akan datang secara spontan disitu, maknanya dapat lah saya hasilkan sebuah puisi berkaitan dengan samaa ada politik (bunyi ayam) ataupun — berkaitan dengan alam dan sebagainya.

**AB** : Adakah puisi Tuan pernah terbit di dalam mana-mana buku atau lain-lain dan pernahkah Tuan mendapat sebarang kritikan untuk hasil karya seni Tuan ?

**TMS** : — puisi saya yang pertama keluar pada tahun sembilan belas lapan puluh lima , jadi seingat saya — di berita harian waktu itu ada — ruang sastera dimana ada cerpen, puisi dan juga ada kritikan pada waktu tu lah dan untuk puisi pertama saya sembilan belas lapan puluh lima — tapi saya dah tak ingat dia punya nama puisi kalau nak rujuk nanti saya akan maklum. — berkaitan dengan — kritikan, ya memang — saya pernah dikritik hasil penulisan saya khususnya dalam bidang puisi. Kritikan yang membina sifatnya dan dikritik oleh — tokoh-tokoh pengkritik di Malaysia. Jadi kritikan yang membina, jadi dengan adanya kritikan yang membina itu maka dapatlah saya menghasilkan karya yang lebih baik — kelemahan-kelemahan yang dikritik terhadap puisi-puisi yang saya hasilkan dan saya boleh menambah baik dan boleh menjadikan puisi-puisi yang lebih hebat lagi lah, yang lebih baik daripada tu. Alhamdulillah lah dengan ada pengkritik sastera — puisi yang dimaksudkan tadi. Pada saya, memang dapat membantu kritikan terhadap kelemahan puisi-puisi saya dapat membantu saya untuk menghasilkan puisi yang lebih baik

**MH** : — apakah cabaran yang dihadapi untuk menghasilkan sebuah puisi samada dari segi morfologi ?

**TMS** : Berkaitan dengan emosi tadi eh ? — apabila berkaitan dengan — emosi — jadi saya cuba nak jelaskan sedikit ya apabila berkaitan emosi. — maksud emosi ya dalam penulisan puisi ni akan — melibatkan perasaan mendalam dan kejujuran diri, itu dua hal yang penting. — emosi yang kita nak sampaikan

dengan menggunakan bahasa yang kuat lah. Jadi, kita dalam merakamkan kekuatan puisi tu tadi, kita haruslah memasukkan metafora, imejan untuk menguatkan kesan emosional tadi dan selain itu — penting juga kita perlu keseimbangan antara keintiman emosi, kejolok emosi kita tadi dengan daya tarikan universal. Jadi maknanya, — pembaca dapat merasai emosi kita itu, emosi terhadap satu isu yang kita sampaikan dalam puisi itu dengan penggunaan imejan metafora nya tadi tu akan menguatkan lagi jadi pembaca apabila membaca puisi kita akan rasa teruja, akan rasa oh hebat, akan rasa umpamanya gitu lah. Jadi secara keseluruhannya, biarkan emosi menjadi pemandu kreativiti— tanpa mengekang kebebasan penulis untuk berekspresi. Mendalam sikit la maksudnya tapi tak apa sekadar untuk pengetahuan, jadi selepas ini boleh mendalami lagi dengan pembacaan lah.

**AB** : Pada pandangan Tuan, apakah peranan puisi dalam kini dan bagaimanakah puisi menyumbang kepada perbualan budaya ?

**TMS** : --- puisi sebenarnya memainkan peranan penting dalam masyarakat dengan beberapa cara. Antaranya adalah menjadi — saluran ekspresi untuk menyuarakan perasaan, juga untuk pemikiran dan pengalaman individu. Ada tiga hal yang penting. Selain itu, puisi juga sering digunakan sebagai alat untuk menyampaikan mesej sosial ataupun mesej politik ataupun mesej budaya dengan cara yang paling artistik dan mendalam. Apabila bercakap tentang puisi ni adalah satu keindahan seperti yang saya sebut. Keindahan dan kelembutan dan puisi juga dapat merangsang pemikiran kreatif — juga pada

masa yang sama menyediakan hiburan. Apabila kita teruja dengan itu jadi kita terhibur lah dan mencipta pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan dan manusia itu sendiri. Jadi apabila kita buat puisi itu berkaitan dengan alam contohnya, jadi orang terhibur dan orang *oh hebatnya* [teruja] penulisan dia berkaitan dengan alam itu. Benda yang kita kita rasa macam biasa air mengalir *je* [ sahaja] tetapi dia boleh menceritakan sebuah puisi yang, air mengalir tu dengan — imajinya, dengan metafora — diberikan tu menarik walaupun kita tengok air biasa tu mengalir biasa *je lah* [sahaja] tapi dengan penulisan, dengan puisi dapat mengangkat keindahan dalam air yang mengalir itu contohnya.

**AB** : Bagaimana seni puisi dapat digunakan sebagai sarana untuk menyampaikan pesan kritis atau menyuarakan isu-isu sosial yang relevan ?

**TMS** : Itu lah yang saya katakan tadi, maknanya kalau kita — ada satu isu semasa, contohnya sekarang ini berlaku di Palestin contohnya ya. Jadi — dengan adanya isu berkaitan dengan Palestin dengan kemarahan kita yang berada disini, rasa sedihnya dengan itu. Jadi kita menghasilkan sebuah puisi, jadi dari situ lah bila kita dapat hasilkan puisi ini dan dibaca oleh pembaca jadi pembaca akan rasa — terbuka hatinya, kesian dan segala macam tu akan membawa kan lah kepada mungkin — derma, dari segi kewangan. Mungkin juga dari segi lain-lain ya yang bersifat memberi bantuan lah kepada orang-orang di — sana di Palestin

**AB** : Untuk bidang teater, apakah sejarah teater? Bolehkah Tuan jelaskan apa itu teater dan bilakah zaman seni teater mulai popular ?

**TMS** : — teater sebenarnya merujuk — kepada bentuk seni pertunjukan — dimana apabila kita sebut tentang teater, teater itu adalah dimana ada cerita, ada karakter, ada konflik yang diungkapkan melalui aksi, dialog dan elemen visual di atas pentas. Itu kita istilahkan kepada teater, ada skrip nya, ada pelakonnya *haa gitu* [begitu] maknanya apabila dia buat persembahan di atas pentas itu kita panggil teater. Kalau di Malaysia, perkembangan teater telah mengalami beberapa era di Malaysia. Mengalami beberapa era yang mencerminkan transformasi dan evolusi dalam seni teater contohnya macam kita ada beberapa era ya, contoh satu macam contohnya era klasik. Era klasik ini sekitar awal — abad kedua puluh lagi sebenarnya. Makanya kalau abad sembilan belas, dua puluh an lah dimana teater di Malaysia pada masa itu dipengaruhi oleh pementasan teater tradisional seperti bangsawan yang saya sebutkan sebelum ni ya, bangsawan melayu yang menonjolkan unsur-unsur epik dan *medologi* [metodologi], pada waktu tu tahun sembilan dua puluhan dulu, itu yang pertama ya era — teater, itu dipanggil teater tradisional, sifat tradisional. Kemudian, — pada tahun sekitar tahun sembilan belas lima puluhan hingga sembilan belas tujuh puluhan, kita namakan sebagai — era modern lah zaman-zaman itu ya, zaman lima puluhan hingga tujuh puluhan itu kira modern lah sebab pada masa yang sama juga kemerdekaan ya kena ingat sembilan belas lima puluh tujuh kita merdeka, jadi era modern lah bila

merdeka tu jadi modern. Jadi — pada masa yang sama, pada masa itu pengaruh barat, pengaruh barat muncul dengan teater modern, jadi pementasan berdasarkan kisah-kisah kontemporari — yang modern tadi, dan pengenalan teknik-teknik barat adalah ciri-ciri utama yang terdapat di dalam pementasan pada era modern tadi. Sembilan belas — lima puluhan hingga sembilan belas tujuh puluhan tadi, jadi dah jadi era modern, jadi kita terpengaruh dengan teater-teater di barat pada waktu tu. jadi unsur-unsur teater modern di barat tu kita kaitkan, kita masukkan dalam persembahan-persembahan di Malaysia lah dan ada satu lagi kita panggilkan era kontemporari ya iaitu bermula sekitar sembilan belas lapan puluhan hingga kini lah. Kontemporari maknanya kedepan lah, era-era kemajuan ya kedepan lah ya. Jadi, — teater di Malaysia — semakin mencerminkan kepelbagaian budaya, kita nampak disitu ya. Kepelbagaian budaya disitu — *hok* [yang] barat pun ada hok yang tradisional pun ada hok yang dari segi — kaum-kaum pun ada disitu. Jadi kepelbagaian budaya dan cabaran kontemporari, jadi penggunaan bahasa dan tema-tema yang mencerminkan realiti sosial, menjadikan lebih menonjol. Macam yang saya katakan tadi maknanya apabila ada teater barat tu kita dah ambil unsur-unsur elemen-elemen daripada teater barat sedikit sebanyak kita *combine kan* [gabungkan] — kita seragamkan dengan yang di Malaysia dalam bentuk-bentuk — tradisional sifatnya tadi yang kata Mak Yong ke apa bangsawan apa semua tu diolah sebegitu rupa untuk sesuaikan dengan zaman — kontemporari tadi, era kemajuan tadi.

**AB** : Dalam lingkungan mana Tuan gemari apabila terkait dengan teater ?

**TMS** : — sebenarnya apabila macam saya katakan tadi ya, — apabila ada bangsawan, ada citrawara, ada kepelbagaian nama-nama ya — sebenarnya saya minat, saya suka sebenarnya. Saya tidak meletakkan diri, saya hanya minat teater-teater yang bersifat realis sahaja ataupun bersifat — *absorb* [menyerap] sahaja tidak, saya minat daripada awal dulu pun saya minat — pun saya minat, citrawana pon saya minat, teater-teater lucu — komedi pon saya minat jadi gitu. Jadi tidak ada *hok* [yang] saya betul-betul fokus kepada satu-satu ciri-ciri teater yang saya minati.

**MH** : — adakah seni teater dan juga seni lakonan yang lain seperti sketsa dan drama mempunyai perbezaan ?

**TMS** : — saya nak letakkan — saya nak letakkan persoalan tadi dalam bentuk *gini* [begini]. — dalam arti kata teater dan drama dulu. Apa itu teater ? apa itu drama dulu. Dua *item* [prop] yang, yang dekat maksudnya tapi berlainan kaedahnya, contoh macam teater ya — saya rangkumi keseluruhan pengalaman pertunjukan secara langsung di atas pentas, ber maknanya kalau dalam teater — tu maknanya persembahan secara *live* [langsung] di atas pentas. Kita *takleh* [tak boleh] nak ubah dah, takleh nk *cut* [potong], takleh nak apa, itu adalah teater. Pertunjukkan secara langsung di atas pentas, dia akan melibatkan aksi langsung oleh pelakon, penggunaan set dan prop serta interaksi langsung dengan penonton. — dan memang teater ni *merangkupi*

[merangkumi] — segala jenis pertunjukkan langsung termasuk drama, muzikal, monolog, tarian teater dan banyak lagi sebenarnya. Itu apabila melibatkan — sebutkan tadi yang sketsa apa semua terangkum dalam — teater tadi sebab mereka adalah, persembahan mereka — adalah persembahan secara langsung. *Napok eh* [nampak ya disitu]. *Kalu* [kalau] drama pulok, drama ya. Drama merujuk kepada cerita atau kisah yang dipersembahkan melalui tindakan dan dialog. Tindakan dan dialog, ini boleh disampaikan dalam bentuk teater langsung atau melalui media lain seperti televisyen dan filem, faham *dok* [tak] situ. — jadi maknanya apabila melibatkan televisyen dan filem tu ada *cut* [potong] lah ada apa maksudnya, berbeza dengan teater tadi secara langsung sedangkan drama ni boleh kita sebutkan apabila kita dalam tv ataupun dalam — telemovie ataupun dalam — filem yang orang buat tu, itu kita masukkan dalam istilahnya drama. Nampak dah bayangan ya, maknanya langsung dengan tidak langsung. Kononnya gitu lah. Okay jadi, — sementara tu teater merangkumi segala jenis pertunjukkan. So [jadi], drama adalah elemen utama yang digunakan dalam banyak jenis pertunjukkan teater, ha gitu.

**AB** : Adakah seni teater senang untuk dipelajari ?

**TMS** : — ayat, ayat susah nak jawab ni sebenarnya tapi (ketawa halus) — memang eh, kesukaran — dalam mempelajari teater sebenarnya — bergantung kepada individu, minat dan tekad untuk memahami dunia seni pertunjukkan. Ha itu, tiga hal ya penting. Kecenderungan — individu tu sendiri minat dia dan tekad dia untuk mendalami persembahan, untuk mendalami bidang teater. Itu bukan

masalah sukar tidak sebenarnya tapi kalau anda tidak ada tiga ni, jadi memang sukar lah. Jadi untuk dapatkan kaedah yang tidak sukar maknanya kecenderungan itu individu tu sendiri, minat dan juga tekad dia untuk ber— memberi sesuatu lah dalam teater, memperjuangkan teater, memartabatkan teater, tu kecenderungan dia. Jadi, — beberapa orang mungkin mendapati teater mudah dipelajari kerana mereka menikmati eksplorasi kreativiti, penulisan skrip dan pentas. Sementara itu yang lain, yang saya katakan tu tadi lah, mungkin menghadapi cabaran dalam mengatasi aspek seperti lakonan, pengaturan atau interpretasi karakter. Jadi kalau dia kurang minat sikit, tidak ada rasa nak tekad dia untuk ni akan jadi masalah gitu lah. Walau apa pun, sebenarnya pada saya secara peribadi, tidak sukar kerana saya telah pun berada dalam seni teater ni semenjak tahun sembilan belas lapan puluh tiga, okay jadi gitu. Secara peribadinya pada saya tak ada masalah tapi pada individu lain yang, yang baru nak menceburi, yang tidak tahu banyak tentang asas memang ada sedikit kesukaran.

**MH** : — adakah teater kanak-kanak dan teater umum yang dilakonkan oleh orang dewasa mempunyai perbezaan yang ketara ?

**TMS** : Ini pun satu persoalan yang merungkai panjang sebenarnya tapi — *gini* [begini] teater kanak-kanak dan teater umum yang — dilakonkan oleh orang dewasa, ni saya sebut orang dewasa dulu ya, orang dewasa — mempunyai beberapa perbezaan berdasarkan konteks pendekatan dan penyampaian. — contohnya macam tema dan naratif ya. Tema dan naratif, bagi teater

kanak-kanak lebih cenderung menggunakan tema dan naratif yang sesuai dengan pemahaman dan kepentingan kanak-kanak. Kalau kita orang sebagai seorang dewasa, jadi kita kena cari contohnya macam skrip, atau kaedah skrip tu yang sesuai dengan kanak-kanak tu, cerita kanak-kanak sesuai, faham ya —. Ceritanya mungkin lebih sederhana dan bersifat pendidikan atau lebih pada berhibur. —cerita tentang binatang, kura-kura dengan arnab contohnya, jadi kita *create* [cipta] kan persembahan tu untuk kanak-kanak walaupun orang dewasa yang berlakon. Jadi kena ada beberapa kaedah lah untuk merealisasikan benda tu, kadang kita orang tua ni nak, macam mana nak bercakap dari segi suara, dari segi kelakuan nak jadi budak, jadi mungkin akan melibatkan kostum kanak-kanak dan beberapa hal lain lah yang berkaitan dengan ciri-ciri untuk persembahan teater kanak-kanak, gitu ya. Kalau teater umum pula, — kalau teater umum, apa eh? — dia lebih, boleh lah kata merangkumi tema, boleh merangkumi pelbagai tema termasuk yang lebih kompleks yang maksudnya bentuk dramatik atau pun mencerminkan realiti sosial dan emosional yang lebih matang dan — sama ada dalam bentuk *absorb* [serap] tadi, sama ada dalam bentuk realis atau pun mungkin kita boleh buat dalam kaedah komedi tapi benda yang, yang sebenarnya memang orang kata apa, emosional sifatnya yang kita kritik kerajaan contoh macam gitu, kita kritik seseorang tapi melalui kaedah-kaedah tadi. Jadi, kita akan menyembunyikan lah — kecuali orang apabila melihat tu orang kata oh ni kaitan dengan — isu ni, yang ni kaitan dengan isu ni tapi kita persembahkan dalam bentuk yang harmonis sifatnya, *tidak* [tidak] emosional. Ada dalam

makna kita masukkan dalam dialog — , jadi benda tu tidak *nampok* [nampak] bahawa kita nak menghukum seseorang, nak menghakimi sesuatu dan sebagainya. — kalau kita bercakap tentang ni, saya lebih suka pada soal bahasa ya, dalam contohnya macam teater kanak-kanak dari segi bahasa dan komunikasi. Dalam teater kanak-kanak penggunaan bahasa tu kena, kita kena bahasa yang mudah lah , yang bahasa yang mudah, mudah difahami ya. Penuh — warna-warni ya. — boleh lah interaktif untuk mengekalkan perhatian kanak-kanak. Kadang kanak-kanak ni kalau kita tak ada satu yang — membuatkan mereka tengok persembahan, *boring* [bosan] ya, *taknak* [tak mahu] ya, jadi kena ada kelakar, pakaian pun *bia* [biar] *napok* [nampak] ni, lakonan pun makna ada ciri-ciri —. Maknanya kita kena mendalami kaedah kanak-kanak tu lah, bagaimana kita nak merasakan jiwa kita sebagai seorang kanak-kanak sebab kita pun walaupun kita dewasa, kita melakukan teater kanak-kanak tapi pengalaman kita menjadi budak-budak dulu pun kita terapkan lah, itu sifatnya ya.

**AB** : Adakah persembahan teater masih mempunyai tempat dan diminati masyarakat masa kini?

**TMS** : — *apetuh* [apa itu] kaitan dengan?

**AB** : Persembahan teater masih mempunyai tempat dan masih diminati masyarakat masa kini.

**TMS** : — pada saya secara peribadi, — persembahan teater ni persembahan teater

masih dan akan diminati oleh masyarakat dulu dan kini. — meskipun terdapat pelbagai bentuk hiburan modern kalau kita perhatikan sekarang ni ada filem, *apelagi* [apalagi] eh ada hiburan-hiburan lain seperti dalam televisyen dan media-media digital tapi teater *ni* [ini] tetap mempunyai tempat yang istimewa dalam budaya seni pertunjukkan. — *kenape* [kenapa] saya bagitahu gitu [macam itu], salah satu contoh *kenape* [kenapa] masih diminati eh, dia akan — bertolak kepada interaktiviti iaitu teater menawarkan pengalaman langsung dan interaktif dimana penonton boleh merasai boleh — apabila dia tengok tu boleh merasai *teruh lalu* [terus selalu] emosi *tu* [itu] sama ada emosi kelakar, emosi *maroh* [marah] *ape* [apa], dia boleh rasa *teruh* [terus] selalu. Jadi itu yang membuatkan penonton *nok* [nak] gi tengok teater tu, *kito nok* [kita nak] yang *tu* [itu] lah. Maknanya memang diminati sebenarnya. Takkan *ni* [ini] lah teater mesti akan kekal diminati. Contohnya sebab dia ada satu lagi dia ada macam unik lah kalau persembahan teater ni [ini] unik dan ada kreativiti. Kalau kita tengok biasa-biasa, tengok dalam *tv* [televisyen] ke ape, tengok gitu [begitu] lebih kepada emosi secara langsung *gitu je* [begitu sahaja], kita tak merasai suasana kalau kita gi [pergi] tengok teater lah, pentas tu dengan *lik-lak* [kelip-kelip] lampunya , kita boleh merasai seolah-olah macam kita juga *duk* [berada] atas pentas haa *gitu* [begitu] maksudnya. Satu lagi hubungan sosial. Hubungan sosial ni yang paling tu lah. Antaranya, teater mencipta pengalaman sosial dimana penonton berkumpul dan menyaksikan serta membincangkan pertunjukan *tu* [itu] bersama-sama. Maknanya kita berkumpul dengan *geng-geng* [kumpulan] orang-orang teater, masyarakat biasa, jadi kita dengar

orang *ni* [ini], oh *sedak* [menarik] lah *ni* [ini], orang biasa pun kata, eh baguslah *ni* [ini], *sapo* [siapa] pelakon *tu* [itu], jadi *bendo-bendo* [benda-benda] gitu membuatkan pengalaman eh, kita bersosial dengan masyarakat yang berada dalam lingkungan persembahan teater. Kalau kita *duk rumoh* [duduk rumah] je [sahaja], kita tengok filem, kita tengok — *tv* [televisyen] je [sahaja], kita tidak terasa benda-benda macam *ni* [ini], — *tu* [itu] pentingnya eh.

**MH** : Apakah berbagai bentuk teater masa kini yang dapat menyumbang kepada teater yang baik?

**TMS** : Bentuk mana? *Ape* [apa] benda?

**MH** : Apakah berbagai bentuk teater yang ada pada masa kini?

**TMS** : Oh, maksudnya trend-trend teater yang dimaksudkan *tu* [itu].— apa yang saya perhatikan eh sepanjang penglibatan saya yang dan terakhir ini, kebanyakannya banyak membuat persembahan dalam bentuk realis dan juga melodrama. Melodrama maksudnya ada lagu, ada nyanyian, ada di samping lakonan tu ada—lagu, ada kepelbagai bentuk-bentuk modern yang diterapkan dalam persembahan *tu* [itu] jadi membuatkan penonton akan lebih rasa teruja. Kebanyakkanlah yang terakhir *ni* [ini] memang dalam bentuk yang realis dan juga jenis melodi jenis ada lagu-lagu dipersembahkan, ada nyanyian-nyanyian dan pelakon-pelakonnya *pulok* [pulak] *ambil* [ambil] artis-artis, jadi persembahan teater akan jadi lebih menarik lah. Begitu sifat

dia.

**AB** : Adakah Tuan mempunyai cara dan juga inisiatif bagi mengekalkan penghasilan karya yang terbaik?

**TMS** : Kalau — saya ingin bercakap dulu tentang puisi ya. Puisi untuk menghasilkan penghasilan yang terbaik seperti yang saya war-warkan sebelum ini, kita kena banyak membaca lah berkaitan dengan puisi juga — teater, untuk menghasilkan sebuah teater yang baik sama ada dari segi skripnya, sama ada dari segi lakonannya, sama ada dari segi persembahan secara keseluruhan di atas pentas, ada dari segi artistiknya, memerlukan pengalaman pembacaan dan juga apabila pengalaman dan pengetahuan yang menjurus kepada bidang yang kita ceburi ini akan dimanfaatkan dengan lebih teratur, lebih sistematik dan lebih membawa kejayaan yang terbaik lah kepada kita untuk membuat satu persembahan.

**MH** : — boleh saya tahu, bakat dalam bidang teater yang Tuan ada kini diwarisi daripada siapa?

**TMS** : — tidak ada diwarisi pada siapa-siapa dengan sendirinya, mungkin kerana saya tidak ada sapa yang — ahli keluarga pun tidak ada yang mewarisi sebab ayah *tukang bang* [tok bilal], ibu *moknya* [emaknya] mengajar mengaji, jadi ke arah agama. Anak-anak pun banyak ke arah itu jadi tidak ada orang yang — mengajak saya untuk ke arah ini, jadi saya dengan sendiri dan kebetulannya ada kawan-kawan yang kebetulan kawan *tu* [itu] orangnya sastera. Jadi

dengan kaedah itulah, saya mula ber — minat dengan ini. Lepastu, nak kata *sape* [sapa] dalam keluarga memang *takde* [tiada]. Memang *takde* [tiada] yang mengajak untuk benda ni.

**MH** : Selain daripada teater dan puisi, adakah Tuan mempunyai kemahiran dalam bidang seni yang lain?

**TMS** : — kalau dulu saya sebenarnya minat lukisan tapi memandangkan — waktu *tu* [itu] dari segi kosnya, dari segi kewangannya sebab lukisan *ni* [ini] memerlukan peralatan yang — jadi saya *tak* [tidak] dapatlah nak kaitkan minat dalam bidang dalam lukisan *tu* [itu] jadi tidak ada kepakaran sehingga sekarang pun saya memang tidak dapat nak *ni* [ini] lah, cuma kalau dari segi kolaj, istilah kolaj dalam lukisan *tu* [itu] memang saya minat dan dimasa saya belajar di Universiti Malaya pun memang salah satu pembelajaran kita adalah lukisan kolaj. Kita *tepek* [tampal] bahan-bahan benda-benda yang — daun dan apa kita ciptakan contohnya, saya pernah lukis kolaj berbentuk arnab, saya gunakan *span* [kapas] *ape* [apa] yang ada diwarnakan putih eh mata, jadi nampak bahawa kolaj seekor arnab itu jelah. Tapi kalau untuk lukisan secara abstrak dalam bentuk *ape tu* [apa itu] minat tapi tidak ada ruang dan peluang dan bila melibatkan kos *pulok* [pulak] tambah-tambah sekarang ni macam-macam — dari segi kewangan itu memang susah nak dapat dan apabila usia pun dah meningkat jadi apabila *duk* [duduk] melukis *ni* [ini] *tak* [tidak] boleh sejam, *tak* [tidak] boleh dua jam, jadi kita pun ada hal-hal lain yang perlu kita uruskan.

- AB** : Apakah aspek paling mencabar ataupun sukar dalam bidang teater dan puisi ini?
- TMS** : — saya kata sebentar tadi mencabar bagi orang yang *tak* [tidak] faham, bila orang yang faham *tak* [tidak] ada lah cabaran tapi boleh lah saya juga katakan, boleh lah jugak kata bidang — bidang secara umum eh, saya boleh katakan bidang teater dan seni penulisan seni perbahasa *ni* [ini] mempunyai pelbagai aspek yang mencabar yang perlu dihadapi oleh kita — untuk — menghadapi cabaran. Salah satu contohnya macam contoh *gapo dio ore* [apa yang orang panggil eh — boleh lah disebutkan kemampuan teknikal eh. Kemampuan teknikal itu cabaran kalau kita tidak mampu *nok* [nak] menggunakan — penggunaan — *lighting* [pencahayaan] yang canggih- canggih apa semua itu cabaran untuk teater. Kalau dari segi teater lah itu salah satu eh. Contohnya penggunaan *mic* [mikrofon], berapa *mic* [mikrofon], kalau *mic* [mikrofon] tak *ni* [ini] *tak* [tidak] *kan* [akan] jadi jelas jadi dari segi tadi, dari segi kalau kita *tak* [tidak] tahu pembelajaran kaitan penggunaan telekomunikasi dalam kaedah persembahan *tu* [itu] memang kita akan jadi masalah. Itu cabaran dia, cabaran yang paling *tu* [itu] lah, terutama pada masa kini. Kalau dulu macam Bangsawan ke *ape* [apa], dia *takdok* [tidak] guna — alat-alat yang modern-modern *gini takdok* [begini tiada], dia pakai tabir *je* [sahaja] habis satu *scene* [babak] *je* [sahaja] tutup *pahtu* [lepastu] masuk *scene* [babak] lain, tarik tirai *gitu je* [begitu sahaja] tapi sekarang *ni* [ini] dengan kecanggihan teknologi yang ada *ni* [ini] jadi kalau kita tidak tahu pulak nak menguasai itu akan jadi

masalah — itu cabaran dia. Satu lagi yang boleh dikatakan cabaran jugak adalah merupakan kerjasama dalam kumpulan untuk menghasilkan sebuah karya untuk menghasilkan sebuah persembahan cabaran itu cabaran yang paling besar. Ia perlu ada kerjasama dalam kumpulan persembahan maknanya antara pengarah dengan pelakon, penulis skripnya, dengan artistiknya — dengan penulis reka bentuk — *setting* [menyediakan] setnya — jadi kombinasi *hokni* [yang ini] kalau tidak ada kerjasama yang erat takkan menjadi dalam sebuah persembahan dan itu sangat mencabar sebenarnya. Sangat mencabar apabila dalam erti kata kerjasama tadi, faham *deh* [ya].

**MH** : Semasa penerbitan karya pertama Tuan sama ada dari segi pementasan teater dan juga penulisan puisi, apakah penerimaan masyarakat setempat terhadap Tuan?

**TMS** : Saya bercakap tentang persembahan yang telah saya buat *ye* [ya]. Untuk pengetahuan, pada tahun dua ribu enam, kami membuat persembahan, pada waktu yang sama saya bertugas di Jabatan Kebudayaan Terengganu, jadi waktu itu Pengarah Jabatan memohon kepada saya untuk mencipta satu skrip berkaitan tokoh di Terengganu. Jadi kebetulan pada waktu itu, saya banyak membaca berkaitan dengan tokoh Abdul Rahman Limbong, salah satu tokoh sejarawan agamawan di Terengganu lah yang pergolakan pada waktu itu adalah pergolakan antara Melayu dengan pemerintah pada waktu itu iaitu orang putih yang nak masuk ke *ni* [ini] jadi pergolakan itu berlaku. Jadi saya terfikir bahawa apa salahnya saya membuat satu skrip yang berkaitan dengan

Abdul Rahman Limbong. Saya galurkan situ *dulu* [dahulu], jadi apabila melibatkan jabatan dengan secara tidak langsung penonton akan jadi ramai. Penonton kita tidak nafikan maknanya akan suka pada persembahan jadi ia akan berpusu-pusu datang sebab apabila melibatkan jabatan eh, pengurusan yang melibatkan jabatan ini, pemahaman masyarakat terhadap jabatan itu memang akan jadi besar. Semangat untuk pergi tengok pun ada, pejabat kebudayaan buat *ni* [ini], oh hebat-hebat *ni* [ini], pelakon-pelakon dia pun hebat *ni* [ini], jadi mungkin kos dia akan jadi lebih besar *ni* [ini], kena *pakat* [jemput] gi tengok lah. Jadi alhamdulillah, dua persembahan iaitu Sayang Selasih Condong Uratnya satu yang saya pernah kuasai — di dalamnya berlakon sebagai produksi dan juga Abdul Rahman Limbong tu dua-dua persembahan tu memang menarik peminat yang ramai, penonton yang ramai walaupun tiga malam berturut-turut. Alhamdulillah, tapi persembahan-persembahan lain saya tidak pernah membuat persembahan peribadi, kumpulan saya tidak pernah lah membuat persembahan kalau dari segi kelompok saya dalam Grup Teater Asyik Terengganu pernah keluar. — Sekarang *ni* [ini] kita bercakap tentang penerimaan *ape* [apa] yang saya buat teater *tu* [itu], jadi alhamdulillah setakat dua persembahan yang *tu* [itu] memang tiga malam *tu* [itu] penuh *panggong* [panggung], jadi alhamdulillah maknanya penerimaan yang baik lah daripada penonton.

**MH :** Jadi kita akan beralih kepada soalan tentang persembahan teater. Untuk pementasan teater, adakah ianya melibatkan banyak pihak?

**TMS** : — dalam untuk menjadikan *ape* [apa] *ni* [ini] menghasilkan satu pementasan teater *ni* [ini] — kita memerlukan banyak pihak lah sebenarnya. Sebelum *ni* [ini] saya bercakap tentang pengurusan — tentang lakonan eh. Dalam lakonan, yang saya kata buat persembahan tu maknanya pengarah skripnya, itu yang ada di atas pentas — dan juga di pihak luar. Pihak luar, — kita panggil dalam dari segi pentadbiran, dari segi pentadbiran teater. Maksud disitu, dalam dari segi teater, bagaimana individu itu untuk mentadbir untuk buat sebuah pementasan. Jadi kita memerlukan kerjasama, kita memerlukan pihak luar, pihak lain dari segi untuk buat persembahan *tu* [itu], jadi kita perlu ada *ni* [ini], pentadbir. Pentadbir *ni* [ini] dari segi maksudnya dari segi pengurusan, pengurusan dari segi iklannya, dari segi promosinya, dari segi nak cari kewangan dananya, *paham dok* [faham tak] maksudnya perlu *tu* [itu]. Jadi kerjasama pihak luar yang dikatakan tadi, aspek tadi *tu* [itu] lah.

**AB** : Adakah Tuan menghadapi cabaran untuk pemilihan pelakon yang sesuai bagi setiap watak?

**TMS** : — sebenarnya satu cabaran jugak lah untuk cari pelakon yang baik, pelakon yang sesuai dengan — dengan karakter yang ada dalam dialog-dialog kita. Kalau contohnya pelakon A *ni* [ini] — nak berlakon sebagai watak ayah contohnya. Jadi — nak cari pelakon yang betul-betul watak-watak ayah *ni* [ini], nak sesuaikan *ni* [ini] memerlukan — cabaran *jugak* [juga] lah. Kita kena tengok orang-orang si A *ni* [ini] sesuai ke tidak, B *ni* [ini] sesuai ke tidak, jadi banyak — banyak kerennahnya, banyak kerennahnya eh. — Contohnya macam

contohnya — *ape* [apa] eh — macam kita kena tengok kesesuaian individu *tu* [itu], kita kena tengok karakter individu *tu* [itu] sama ada fizikalnya — tubuh dia besar *kecik* [kecil] ke *ape* [apa] cara jalan ke *ape* [apa] sesuai *dok* [tak] nak berlakon sebagai watak ayah, haa gitu okay. — *Lepahtu* [Selepas itu] *pulok* [pulak] kita kena lihat dari segi kemahiran lakonan dia *pulok* [pulak], kemahiran dia berlakon *tu* [itu] maknanya (ayam berkокок) katakanlah watak ayah tu *kito* [kita] *doh* [dah] bagi ke dia — cuba kita dia lakonkan watak *tu* [itu] pergerakan dia *atah* [atas] pentas tu *lagumano* [macam mana] — *erek* [heret] kaki ke *ape* [apa] ke, (ayam berkокок) jadi benda-benda yang melibatkan karakter sebagai orang tua tu haa tu *susoh* [susah] — *susoh* [susah] *jugoklah* [jugalah] — *gapo* [apa] lagi eh — *apeni* [apa ini] — (ayam berkокок) dan kalau kita *nok* [nak] — kalau kita *nok* [nak] — *nok* [nak] tengok dari segi — bagaimana watak *tu* [itu], watak katakanlah kita *ambil* [ambil] orang *ni* [ini] *nok* [nak] watak ayah *tu* [itu] ia nak adaptasikan, dia nak *adapt* [bersesuaian] adaptasi lakonan dia *tu* [itu]. Dia orang biasa, orang biasa umur baru *pat puluh* [empat puluh] tapi *nok* [nak] bawa watak umur enam puluh, bagaimana dia nak *adapt* [bersesuaian] *tu* [itu] daripada *pat puluh* [empat puluh] *nok* [nak] gi ke enam puluh tu haa *hoktu* [yang itu] *tu* [itu] satu cabaran *jugok* [jugak] sebenarnya tetapi kalau individu *tu* [itu] pelakon-pelakon *tu* [itu] *dah* [sudah] ada asas daripada awal *dah* [sudah] menganggotai persatuan teater, *dah* [sudah] — *dah* [sudah] mendalam hal-hal teater kalau kita nak memilih pelakon-pelakon *tu* [itu] saya rasa *takde* [tiada] (ayam berkокок) masalah. Haa yang jadi masalah *takdi* [tadi] lah maknanya

kalau karakter — masih orang *tu* [itu] masih asas dia pun *tak* [tidak] kuat lagi *ape* [apa] haa *tu* [itu] jadi masalah sikit. Haa *ok deh* [okay ya].

**AB** : Bagi setiap pementasan teater, berapakah modal yang diperlukan untuk sebuah persembahan?

**TMS** : — ada beberapa peringkat sebenarnya adanya teater tidak memerlukan dana, tidak memerlukan kos (ayam berkокok). Contohnya, katakanlah kita tiga orang *ni* [ini] kan, tiga orang, kita buat teater *takdok* [tiada] guna *ape-ape* [apa-apa] pun, *takdok* [tiada] guna dari segi *perkakah* [peralatan], biasa *je* [sahaja] kita *paka gini je* [pakai macam ini sahaja] tapi kita berlakon, kita berlakon *pulok* [pulak] kita berlakon di stesen bas contohnya — kita *gi* [pergi] tepi pantai *kak ore* [dekat orang] *rama-rama* [ramai-ramai] kita berlakon, kita pakai biasa *gini* [begini] tapi kita berlakon, tidak memerlukan kos eh — tak memerlukan kos, *takdok* [tiada] kos pun sebenarnya, kos air liur, — kos mungkin kos *minyok muto* [minyak motosikal] lah *kot gitu* [mungkin macam itu] ke maksudnya *nok gi tuh* [nak pergi itu]. Tapi tidak melibatkan maksudnya kos ini dalam pementasan tu *takdok ok* [tiada okay]. Yang keduanya, kalau kita — menganggotai — satu-satu persatuan teater contohnya kan jadi — kalau tidak ada dana daripada pihak luar kita terpaksa guna *sediri-sediri* [sendiri-sendiri] lah, *keno* [kena] cari duit peribadi lah, kena guna duit keanggotaan lah *gitu* [begitu], kalau kita tidak ada dana daripada pihak lain. Kalau kita dapat bantuan daripada pihak jabatan ataupun pihak kementerian ataupun pihak individu yang — kaya-kaya *ape* [apa] semua tu alhamdulillah

akan dapat, *hok* [tentang] yang soal kedua tadi *tu* [itu] yang saya sebutkan yang kedua *tu* [itu] nak dapat dana daripada mana yang dapat *tu* [itu], kalau daripada bagi sumbangan di pihak luar *tu* [itu], kita tengok *pulok* [pula] persembahan kita *tu* [itu] dalam bentuk yang macam mana, memerlukan — kostum yang hebat-hebat *ko* [ke] besar *ko* [ke] hebat *ko* [ke] — memerlukan — penggunaan lampu elektronik yang besar-besar ke *ape* [apa] haa *tu* [itu] akan melibatkan bukan soal ribu lah maknanya mungkin puluhan ribu eh. Tapi kebiasaan kalau *group-group* [kumpulan-kumpulan] teater-teater yang saya hadapi yang saya tengok *tu* [itu] — sebenarnya *tidak* banyak kos dia sekitar dalam lima ribu hingga ke sepuluh ribu boleh buat satu pementasan. *So* [*jadi*] *dah* [sudah] boleh buat satu pementasan lah — kalau melibatkan sepuluh ribu ke atas hingga tiga puluh ribu hingga lima puluh ribu *tu* [itu] haa *tu* [itu] akan seperti yang saya kata *tu* [itu] lah mungkin *setting* [menetapkan teater] nya akan lebih besar, akan lebih hebat, dia ada beberapa fasa lah, tengok kepada keadaan menghasilkan — pementasan *tu* [itu] bagaimana sama ada pementasan *tu* [itu] — berbentuk biasa, realis, ataupun absurd ataupun berbentuk lain. *Lepas tu* [Selepas itu], kena tengok *pulok* [pulak] skrip *tu* [itu] bersifat macam mana politik ke, bersifat lucu ke, bersifat melodi. Contohnya macam kata melibatkan melodrama contohnya ada lagu ada *gapo* [benda], jadi kena panggil artis-artis yang hebat-hebat, jadi kosnya akan lebih besar, haa gitu jadi pandangannya *gitu* [begitu]. Jadi mungkin kita boleh bahagi kepada tiga, satu — yang tidak ada kos, yang kedua kos sederhana, yang ketiga kos yang mungkin seratus ribu, tiga ratus ribu — haa buat di panggung —

panggung negara Kuala Lumpur itu akan melibatkan ratus ribu. Jadi penggunaan banyak lah akan menggunakan teknologi terkini dan sebagainya, penggunaan pelakon, artis-artis yang hebat-hebat *ape* [apa] semua, jadi bayaran-bayaran *tu* [itu] jadi besar lah tapi kalau yang kata kedua *tu* [itu] yang dari segi sederhana tu jadi tidak ada — tidak ada kos yang melambung tinggi lah haa.

**AB** : Bagi pementasan teater kanak-kanak, adakah pelakon kanak-kanak itu sendiri menghadapi kesukaran untuk menghafal skrip?

**TMS** : — saya sebenarnya tidak banyak ber — berkecimpung dalam soal teater kanak-kanak sebenarnya eh — tapi masa awal-awal saya dalam Grup Teater Asyik Terengganu dulu kita pernah membuat pementasan teater kanak-kanak tapi orang dewasa, kita cerita katakan tadi lah macam contoh kura-kura dengan arnab — apabila dari segi orang dewasa skrip *tu* [itu], rasa takde masalah tapi dari segi kanak-kanak ada sedikit masalah sebenarnya, ada sedikit masalah akan melibatkan — (ayam berk Kokok) kaedah untuk kanak-kanak menghafal nak *ape* [apa] dia susah sikit tapi kita kena ada kaedah-kaedah menghafal, kaedah-kaedah mengajak kanak-kanak ni [ini] untuk merasai — menyenangi persembahan tu haa jadi kalau kita ada kaedah-kaedah *gitu* [begitu] jadi insya-Allah, skrip pun kanak-kanak *tu* [itu] akan dapat — buat yang terbaik. Rasa *takde* [tiada] masalah sebenarnya (bunyi hon kereta) tapi kena ada kaedah bagaimana nak suruh kanak-kanak *tu* [itu] suka kepada persembahan, nak buat persembahan haa jadi dari segi hafalan pun tidak akan rasa takkan

jadi masalah lah nanti sebab kita kena akui bahawa kanak-kanak *ni* [ini] cepat menghafal cepat (bunyi kertas) mengamati sebab dia fresh kan otak dia tu masih bersih. Kita orang dewasa *bercerambuk* [berserabut] dengan hal-hal macam-macam, jadi *budok-budok* [budak-budak] *tu* [itu] apabila kita latih diorang memersrai alam “ haa *k* [okay] jom kita buat gerak arnab ataupun gerak *ape* [apa]” jadi apabila dia suka dengan sendiri “ okay haa awak boleh baca *dok* [tidak] *ni* [ini], awak *buleh* [boleh] hafal *dok* [tidak] *ni* [ini]” dia akan menarik minat dia untuk — buat — untuk menghafal skrip kanak-kanak. Haa gitu. *Lagih ape bende* [Lagi apa benda] lagi?

**MH** : Untuk menerbitkan sesebuah karya, adakah syarikat penerbit itu memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan pihak Tuan?

**TMS** : — Cuba ulang balik yang *tuh* [itu]?

**MH** : — Untuk menerbitkan sesebuah karya, adakah syarikat penerbit itu memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan pihak Tuan?

**TMS** : — *Gini* [Begini]— syarikat ataupun kementerian ataupun badan-badan besar untuk support kita untuk menjadikan sebuah persembahan untuk membantu kita, dia kena tengok, dia kena tengok pada kita *tu* [itu] siapa. Siapa kita? Sama ada kita Sabri Yunus ke kita *sape* [siapa], *sape-sape* [siapa-siapa] lah maknanya situ dulu diorang akan melihat. Yang keduanya, apakah yang *ni* [ini] nak bagi dana *ni* [ini] apakah bertepatan dengan kehendak dia — katakanlah contoh — Jabatan Kebudayaan Negeri Terengganu — nak buat

satu persembahan teater realis — berkaitan dengan kebangkitan — kebangkitan pahlawan katakan contoh zaman Abdul Rahman Limpong tadi. Jadi kita dah nampak *tu* [itu] eh, kita *dah* [sudah] nampak, nampak *tu* [itu]. Apabila katakanlah si A dah buat skrip — Abdul Rahman Limpong dah buat skrip, si B *dah* [sudah] buat *ni* [ini], si C pun dah ada skrip *tu* [itu]. Jadi pihak jabatan akan menilai tiga-tiga skrip *ni* [ini] *dulu* [dahulu], *hok* [yang] mana yang lebih baik untuk membagi dana. Jadi banyak sebenarnya proses untuk bagi dana sebab akan melibatkan bukan seribu, bukan dua ribu, bukan lima ribu, akan jadi besar. Jadi akan bertolak kepada benda-benda yang itu lah, tapi yang paling besarnya “Siapa itu? Siapa dia?” Haa. Pengarah siapa? Siapa *tuh* [itu]? Skrip siapa tuh? Haa pengarah siapa? Skrip siapa? Pelakon *sape* [siapa]? — Artis *sape* [siapa]? Jadi itu sebenarnya dalam lingkungan itu mereka *ni* [ini] sedangkan pada sebenarnya kalau mereka nak betul-betul bantu, sebenarnya tidak terlampau — terlampau *tu* [itu] sangat. Diorang nak menilai tapi itulah realiti masa kini kena *gitu* [begitu] apabila nak keluarkan ke duit *ni* [ini] bukan satu yang senang. Haa *gitu* [begitu].

**AB** : Untuk menjadi pelakon teater, adakah perlu menghadiri ke ujibakat terlebih dahulu?

**TMS** : Memang, memang. — Untuk menjadi seorang — pementasan yang besar sifatnya khususnya dalam pementasan-pementasan yang besar yang dimonopoli oleh — syarikat oleh kementerian ape, memang akan ada audition. Memang akan ada temuduga untuk jadi pelakon. Sebab untuk menghasilkan

— untuk menjadikan persembahan yang terbaik lah jadi kena audition lah kena, kena ada temuduga lah kaitan karakter — pemilihan-pemilihan pelakon-pelakon *tu* [itu] memang kena ada. Itu sebenarnya wajib sebenarnya tetapi kalau tidak — kalau — penulis *ape ni* [apa ini] pelakon *tu* [itu] sudah ada, dia dah *belakon* [berlakon], dia dah ada *duk* [duduk] dalam group *tu* [itu] macam saya *duk* [duduk] dalam Grup Asyik Terengganu dan yang buat persembahan *tu* [itu] Grup Teater Asyik Terengganu dah *tak* [tidak] perlu ada audition-audition lah. Pengarah *tu* [itu] dah tahu dah *sape* [siapa] nak letakkan watak orang *ni* [ini], watak ini dan ini dengan skrip yang diberikan. Ia tak perlu nak-nak audition dah kecuali nak ada penambahan pelakon-pelakon yang lain di luar. Haa *hoktu* [yang itu] dia akan panggil orang luar akan bagi akan temuduga lah sekejap haa sesuai ke tidak dengan watak yang diberikan sampingan *tu* [itu] watak sampingan *tu* [itu]. Misal kata ibu tiri, haa *cam* [macam] kita *takde* [tiada] lagi ibu tiri kita *nok* [nak] cari pelakon ibu tiri. Jadi kita pikir *sape* [siapa]? Kita pun panggil lah si A, si A pun *mari* [datang]. Kita pun berlakon, suruh dia berlakon sesuai ke tidak haa gitu. Tapi kalau melibatkan kos yang besar, ini akan melibatkan kewangan lagi, kalau melibatkan yang besar, oleh kementerian — dana-dana daripada pihak-pihak yang tu, memang *hok* [yang] yang lepas-lepas memang dia akan ada temuduga untuk jadi seorang pelakon, untuk — *bawak* [bawa] watak dalam lakonan.

**AB** : Berapa lamakah latihan biasanya untuk membuat satu persembahan teater?

**TMS** : — *ni* [ini] saya berpandukan pada pengalaman saya eh dalam Grup Teater

Asyik Terengganu, untuk buat satu — untuk jadikan satu persembahan yang terbaik dan orang lain pun sebenarnya *gitu* [begitu] juga sebenarnya untuk pada akhirnya kena latihan sama ada yang paling minim tiga bulan, yang paling — maximum enam bulan. Jadi maknanya antara tiga bulan hingga enam bulan *tu* [itu], itu adalah latihan secara berterusan, maknanya tiga bulan hingga enam bulan — Maknanya panjang tempoh untuk sebenarnya untuk buat satu pementasan yang baik eh yang baik. Tapi ada *jugak* [juga] *setengoh* [setengah] *tu* [itu], buat persembahan latihan seminggu pun ada, tapi kita akan tahu lah sikit sebanyak, memang banyak kelemahan lah berbanding dengan ada juga kelemahan walaupun dia berlatih tiga hingga enam bulan tetap ada kelemahan. Tetap ada kelemahan tapi tidak setara yang berlakon *ape ni* [apa ini] latihannya seminggu *je* [sahaja]. Walaupun orang *tu* [itu] *dah* [sudah] pelakon hebat *ape* [apa] nya kalau seminggu pun mesti ada kelemahannya (bunyi kucing). — *Ape* [apa] lagi?

**AB** : Adakah anda pernah — adakah Tuan pernah (bunyi kucing) menerima undangan untuk membuat persembahan teater di luar atau sebagainya? (bunyi kucing)

**TMS** : — (bunyi kucing) kalau nak dikira sebab saya bukan seorang pengarah teater secara berterusan tapi saya menganggotai Grup Teater Asyik Terengganu daripada awal — awal lagi seribu sembilan ratus lapan puluh tiga lagi jadi Grup Teater Asyik Terengganu memang selalu buat persembahan di luar sama ada di dalam atau di luar negeri ataupun di luar negara lah maksudnya —

untuk pengetahuan pihak kami telah pun buat persembahan di Singapura, di Thailand, di Brunai, dan juga di Indonesia. Jadi telah keluarlah maksudnya, — saya secara peribadi maknanya telah keluar lah dalam bab teater ni — telah keluar negeri lah buat persembahan (bunyi kucing) *gitu* [begitu] saja. *Ade* [ada] lagi ke?

**AB** : Adakah Tuan mempunyai cita-cita yang belum dicapai dan hajat untuk mengadakan pementasan teater di luar negara pula selepas ini?

**TMS** : Memang lah kalau — kalau nak kira dari segi peribadi tu memang banyak lah sebenarnya — *ape ni* [apa ini] idea-idea — ingatan-ingatan ada jugak nak fikirkan bahawa nak buat persembahan-persembahan di luar negara secara sama ada secara peribadi ataupun — dalam group sebenarnya. Itu memang. Sebab *ape* [apa] apabila kita buat persembahan di luar negara *ni* [ini], satu yang — yang maknanya yang baguslah yang hebatlah, maknanya kita boleh jadi duta Malaysia lah ke luar negara, itu sebenarnya. — Memang lah ada sebenarnya memang ada secara peribadi memang ada sama ada dari segi persembahan puisi ataupun persembahan teater sama ada bermonolog, prolog ataupun mendeklamasikan puisi di luar negara dengan elemen-elemen yang — yang boleh ditentukan lah, (bunyi ayam) sesuai dengan zaman modern *ni* [ini] lah, tu memang ade lah keinginan itu tapi tak tahu apakah — ada — terdapat pihak-pihak yang boleh membantu, wallahu a'lam (ayam mengerang) tapi niat tu ada haa *gitu* [begitu]. Lagi? (ayam mengerang)

## TAMAT BAHAGIAN 4

### BAHAGIAN 5 : SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

**AB** : (Bunyi ayam) *Pahtu* [Selepas itu] bahagian seterusnya iaitu sumbangan dan pencapaian. Sepanjang berkhidmat di Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan ini, apakah sumbangan terbesar yang telah Tuan berikan?

**TMS** : — dari segi sumbangan kepada pihak jabatan tidak adalah orang kata besar — besar *ape* [apa] semua tapi saya banyak memberi khidmat pengurusan seni dalam — dalam membantu jabatan memberi sumbangan kepada jabatan — itu banyak dari segi kita buat produksi dari segi saya melahirkan skrip, saya membuat — anotasi persembahan, silibus persembahan, itu jelah maknanya — dan kita boleh ingat eh, apabila kita berkhidmat dengan jabatan *ni* [ini] maknanya kita berkhidmat untuk negara, haa gitu jelah.

**AB** : Apakah sumbangan Tuan terhadap masyarakat (bunyi orang bersin) sepanjang berada dalam bidang ini?

**TMS** : — *Hok yang* [yang itu] — *hok yang* [yang itu] nak kata *tu* [itu] lebih kepada *gini* [begini] lah dari segi peribadi — saya terlibat dengan — dengan bengkel-bengkel — bengkel-bengkel puisi, bengkel-bengkel teater, jadi ilmu-ilmu teater yang ilmu puisi yang saya ada, yang saya amati, yang saya gauli itu — saya bagi kepada — orang lain lah haa itu lah sumbangan saya

yang daripada tahun seribu sembilan ratus lapan puluh tiga dulu sehingga sekarang pun saya masih — masih lagi memberi khidmat kepada masyarakat, kepada penulis-penulis muda, kepada pelakon-pelakon muda. — Melalui — melalui itu lah maknanya saya akan bagi kursus-kursus teater, bengkel-bengkel ciptaan puisi, bengkel-bengkel mendeklamasikan puisi haa gitu contoh dia.

**MH** : Adakah hasil karya Tuan dapat memberi inspirasi kepada generasi baru kini ?

**TMS** : — Bukan kepada saya sebenarnya, jugak sebenarnya orang lain pun, penulis-penulis lain pun memang itulah hasrat — memang dapat bagi aspirasi apabila kita buat satu puisi yang baik, yang orang suka, maknanya akan jadi inspirasilah kepada — pendengar — pendengar, pembaca, itu lah. Jadi tidak ada sebenarnya, tidak ada karya yang tidak — tidak akan diberi — yang kosong semata-mata buat karya *tu* [itu] karya *je* [sahaja], tidak ada kesinambungan maknanya pada orang lain untuk mengamati untuk *ni* [ini]. Maknanya — puisi teater memang akan diamati, akan di *ni* [ini], karya-karya penulis-penulis yang lahir *tu* [itu] maknanya orang akan minat, orang akan ikut.

**AB** : Menurut pengamatan kami, Tuan pernah menjuarai Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan tahun seribu sembilan ratus sembilan puluh tujuh. Bolehkan tuan ceritakan sedikit mengenai pengalaman tersebut?

**TMS** : Seperti saya maklumkan eh sebelum *ni* [ini] saya dalam Sayembara *ni* [ini] bermula pada — saya mula masuk seribu sembilan ratus lapan puluh tujuh

lagi, jadi untuk mencapai tahap sekarang sebagai Johan Sayembara memerlukan masa sepuluh tahun, — dalam masa sepuluh tahun — sepuluh tahun tu memang banyak lah cabaran-cabaran yang saya hadapi tapi alhamdulillah oleh kerana saya dapat menguasai — bidang puisi dan bidang teater sekaligus disitu jadi saya *implemen* [implemen] — *implemenkanlah* [implementanlah] — cara deklamasi yang baik, cara — penyampaian yang baik cara persembahan yang baik untuk dapatkan sehingga dapat gelaran tu lah tapi memang cabarannya bila bertanding dengan tujuh belas peserta, dua puluh peserta setiap tahun mewakili negeri masing-masing sesuatu yang cukup — hebatlah dan apabila orang katakan kita jadi johan tu kira suatu yang, pencapaian yang kita rasa membanggakanlah pada diri sendiri — secara peribadi.

**AB** : Adakah tuan pernah menerima tawaran untuk mencipta puisi untuk pihak lain?  
Jika ya, tuan meminta bayaran atau sekadar penghargaan sahaja?

**TMS** : Memang, memang banyak pihak-pihak — pihak jabatan *sendiri* [sendiri] pun memang buat puisi suruh saya buat puisi, pihak-pihak luar pun ada *jugak* [juga] yang suruh buat puisi untuk buat persembahan, — ada *jugak* [juga] daripada pihak GAPENA (Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia) pun ada — *apetu* [apa itu] — memohon untuk puisi untuk sayembara, deklamasi puisi negeri dan juga kebangsaan. Untuk dari segi — dari segi — menuntut bayaran *tu* [itu] sebenarnya tertakluk kepada situasi dan kondisi, tidak ada — ada yang dibayar dan ada juga tidak dibayar, tertakluk kepada

situasi dan kondisi pihak yang terbabit. Contoh macam jabatan, saya kalau nak buat puisi memang tidak dibayar lah kalau orang luar mintak puisi haa memang, memang ada sedikit bayaran lah yang akan saya kenakan, bukan saya kenakan, dia akan bertanya berapa saya akan boleh bayar — saya tidak menuntut bayaran, saya tidak menuntut “ okay puisi saya kena bayar seribu” (ketawa kecil) tetapi tertakluk kepada — kaedah kerjasama yang kita berikan yang sesuai, dia nak sajak. Katakanlah contohnya nak puisi, dia nak puisi panjangnya lima minit, ataupun puisinya untuk membuat persembahan dalam masa setengah jam ataupun puisinya nak kena ada dua puluh lapan baris sahaja. Jadi panduan daripada situ, — mungkin bayar bayaran tetap akan ada lah, akan nampak lah bayangan sesuai tambah-tambah lagi kalau saya sendiri kena baca puisi *tu* [itu] ataupun saya kena gi record dulu haa jadi maknanya bukan seratus dua bukan dua ratus, tiga ratus lah mungkin akan lebih lagi tertakluk siapa saya. Oleh kerana, saya *ni* [ini] Johan Sayembara dah mungkin kadar dia akan jadi lebih tinggi haa gitu. Tertakluk pada *sape* [siapa] penulis *tu* [itu], kalau saya memang gitu lah maknanya orang tengok, *wei* [weh] orang *ni* [ini] dia penulis *ni* [ini], penulis Malaysia — Johan Sayembara Puisi — *tokleh* [takkan boleh], *takkan* [tidak akan] nak *bui* [bagi] seratus *ya* [ringgit], haa gitu maksudnya.

**MH** : Bolehkan Tuan sebutkan satu projek seni teater yang paling berkesan yang anda, yang Tuan kendalikan?

**TMS** : — persembahan *tu* [itu] lah, persembahan teater Abdul Rahman Limbong,

memang satu yang, yang paling saya rasa — disitu ada kekuatannya, disitu ada semangat juang yang tinggi, disitu ada — rasa macam-macam lah. Pengalaman yang tidak dapat dilupakan, baik dan buruk, baik dan tak baik semua ada situ tapi pada akhirnya membawa kejayaan yang membanggakan.

**AB** : Apakah strategi tuan dalam menarik lebih ramai penonton (bunyi cicak) ke acara seni teater yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan?

**TMS** : — serasilah dengan masyarakat kini lah, maknanya kena guna, kena guna kaedah-kaedah teknologi terkini, — *gitu* [begitu], baru, baru benda *tu* [itu] akan jadi yang *ni* [ini] lah.

**MH** : Viral gitu.

**TMS** : Haa viral tu haa, kita guna teknik-teknik terkini, *ape* [apa] kaedah-kaedah, — dari segi modern. Haa benda-benda teknologi maklumat yang terkini *ni* [ini].

**MH** : Macam tunjuk trailer *dulu ko* [dahulu ke]?

**TMS** : Haa maksudnya gitu lah, penggunaan-penggunaan dari segi promosi, cara mana pengiklanannya, nak *promot* [promosi], nak viral *tu* [itu] kan gitu lah maksudnya.

#### TAMAT BAHAGIAN 5

## **BAHAGIAN 6 : HARAPAN**

**AB** : Untuk bahagian terakhir, iaitu harapan. (buka kertas) apakah harapan Tuan kepada rakan-rakan seperjuangan Tuan dan (bunyi kertas) kepada generasi yang sedang dan akan terlibat dalam bidang sastera puisi dan teater ini?

**TMS** : — saya tidak boleh nak memberikan — satu kaedah yang *ni* [ini], cuma bagi rakan-rakan penulis, rakan-rakan — pekarya, pengarah, penyair, saya *ye* [ya], terus memberi — khidmat baktilah terus menulis lah. Terus memberi sumbangan yang terbaik lah kepada masyarakat dan kepada yang baru-baru nak — berkecimpung *ni* [ini], maknanya kena, kena mendalamilah asas-asas penulisan, asas-asas teater dalam bidang seni dan budaya *tu sediri* [itu sendiri], baru kita akan jadi dapat majukan diri dan juga dapat — memberi — membangkitkan atau memartabatkan seni dan budaya lah dalam masyarakat khususnya dalam masyarakat — di Malaysia.

**AB** : Apakah pandangan masyarakat saat Tuan mula berkecimpung dalam bidang seni sastera puisi dan juga seni teater?

**TMS** : Yelah, hakikat *tu* [itu] sama yang akan berlaku pada orang lain juga dan itu juga yang berlaku kepada saya dimana pada awal penglibatan dulu, *takde* [tiada] orang pandang pun. Orang takkan memandang kita sebagai tokoh ataupun sebagai orang hebat dan sebagainya. Tapi apabila kita betul-betul *dah* [sudah] berkecimpung dan kita boleh melahirkan puisi yang baik, kita boleh berlakon watak yang baik, — dan kita — menemukan kejayaan contohnya

saya dapat johan, saya jadi jurulatih, saya jadi — *ape ni* [apa ini] — fasilitator dalam khusus-khusus, jadi orang memandang baik lah, orang akan kata memandang kita sebagai tokoh lah. Haa bermakna kita *ape-ape* [apa-apa], kita harus bermula daripada *tak* [tidak] tahu, tahu, dan masyhur. Haa orang akan pandang kita sebagai — seseorang yang boleh diikuti, boleh diamati, boleh dicontohi.

**AB** : Apakah harapan Tuan kepada penonton yang pernah menonton teater hasil pengarahan Tuan?

**TMS** : — (buka kertas) saya pernah selepas pementasan, saya pernah bercakap *gini* [begini] eh — “saya tidak memerlukan seratus orang yang faham teater saya tapi saya memerlukan sepuluh orang *je* [sahaja] dalam ramai-ramai, anda, sepuluh orang *je* [sahaja] yang betul-betul mengamati, betul-betul *ni* [ini] sebab pada saya sepuluh orang ini akan memberi input-input yang terbaik pada *pulok* [pula] ratusan ribuan mungkin” mungkin antara penonton ramai-ramai *tu* [itu] orang yang sangat minat tentang teater dan dia boleh belajar dia masuk universiti, dia belajar pulak bidang teater jadi orang lain *tu* [itu] salah seorang yang memberi, akan memberi sumbangan yang besar kepada orang lain pulak dan kepada masyarakat dan kepada Malaysia. Bukan maksud saya, yang lain *tu* [itu] tidak memberi input impak yang baik, tidak memberi sumbangan, bukan begitu. Peminat — *ape ni* [apa ini] penonton yang baik, mereka adalah penerus penonton generasi yang terkini, boleh memberi *pulok* [pula] penerangan pada anak-anak dari segi persembahan *ni* [ini] bagus, tahap

kebagusannya macam mana, macam mana tapi yang sepuluh orang *ni* [ini] yang betul-betul *ni* [ini], dia boleh melahirkan *pulok* [pula], *sorang* [seorang] boleh melahirkan seribu mungkin *sorang* [seorang] lagi boleh melahirkan seratus. Oleh kerana dia memang pakar dalam bidang dia dan ilmu dia dalam kritikan kerana dia belajar di universiti dalam bidang kursus teater ataupun penulisan dalam sastera.

**AB** : Apakah perubahan atau inovasi yang Tuan harapkan dapat dibawa ke dalam seni puisi untuk menarik lebih banyak penonton?

**TMS** : Macam, macam kita bincangkan tadi lah, maknanya secara yang terkini kita memerlukan teknologi terkini untuk menarik lebih ramai penonton menyaksikan ataupun mendengar ataupun membaca karya kita, kena ada teknologi, kena terapkan dalam setiap persembahan ataupun — setiap karya kita, setiap — *ape* [apa] orang kata setiap persembahan kita lah contoh macam kata — kita tengok *ni* [ini] pun kita *dah* [sudah] merasa menarik untuk membaca, contohnya dia guna — kalau dulu kertas biasa *je* [sahaja]. Dari segi *ni* [ini] eh, dari segi segi buku. Kalau dari segi persembahan, persembahan puisi contohnya deklamasi, orang baca sajak atas pentas, *ape bende* [apa benda] yang kita perlu buat untuk menarik ramai penonton untuk mengagumi — mengagumi persembahan kita, mungkin kita pakai vest, kita pakai *ape* [apa] *ni* [ini], kita lilit baju kita ada belang-belang ke *ape* [apa] semua jadi kelainan dan pada masa yang sama *jugak* [juga] pentas *tu* [itu] sendiri memerlukan pencahayaan, bila nampak penonton gelap *ni* [ini] dan muzik latar *pulok* [pula]

perlukan, jadi keseluruhannya adalah teknologi terkini perlu dipakai untuk menarik lebih ramai penonton menyaksikan ataupun mengikuti ataupun mendalami ataupun nak ikut serta dalam persembahan ataupun dalam penulisan ataupun ilmu yang lain dalam seni dan sastera.

**MH** : Bagaimana Tuan ingin melihat pengiktirafan dan sokongan terhadap seni teater dari pihak berkuasa di masa hadapan?

**TMS** : Salah satu yang, yang paling besar lah saya harapkan daripada pihak-pihak terbabit — *ape tu* [apa itu] — khususnya adalah sumbangan dari segi dana lah, maknanya kena ada dana khusus, dana khusus untuk penggiat-penggiat seni seperti yang contoh kementerian kebudayaan pelancongan sekarang ni [ini], haa ada satu slot dimana pengkarya-pengkarya, *ape ni* [apa ini] penulis skrip, — pengarah-pengarah teater, boleh *mintak* [minta] bantuan dengan kita, dengan kementerian pelancongan, dan kementerian akan menilai setiap — *ape ni* [apa ini] — permintaan ataupun setiap yang diorang nak buat persembahan *tu* [itu], kita agihkan sumbangan atau peruntukan khusus untuk mereka jadi pada saya secara peribadi saya memang itulah kita harapkan mananya dia ada sumbangan peribadi, sama ada sumbangan peribadi ataupun sumbangan daripada pihak-pihak kementerian ataupun individu-individu yang, yang kaya-rayalah yang ada *ni* [ini] untuk menguatkan lagi — perjuangan lah orang-orang seni *ni* [ini], seni dan budaya. Perlu sangat sebenarnya.

**AB** : Untuk soalan terakhir, bagaimana Tuan berharap agar seni puisi dan seni teater

dapat memberi sumbangan kepada pembentu — pembentukan identiti kebangsaan?

**TMS** : — Okay — berkaitan dengan pertanyaan tu, — saya nak secara umumnya, saya nak tegaskan dalam begini *ye* [ya]. Seni puisi dan seni teater memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti kebangsaan. Dengan beberapa cara yang — yang dapat mempengaruhi perasaan identiti dan kesatuan di kalangan masyarakat. — khususnya pada sumbangan kepada puisi, kepada seni puisi dulu. Jadi, satunya adalah penciptaan rasa, rasa *tu* [itu] rasa — lebih kepada rasa persaudaraan lah. Puisi dimana puisi dapat merentasi sempadan bahasa dan budaya untuk menyampaikan mesej kesatuan dan persaudaraan iaitu membangkitkan rasa kebangsaan. Dengan itu, akan membangkitkan rasa kebangsaan. Seterusnya — ekspresi, emosi dan pengalaman kolektif, iaitu puisi membolehkan individu mengungkapkan emosi dan pengalaman kolektif masyarakat, membina kesedaran terhadap nilai-nilai bersama dan identiti kebangsaan. — Seterusnya, puisi juga sering kali memuatkan elemen-elemen budaya dan sejarah yang dapat menyumbang kepada pemeliharaan dan penerusan warisan budaya. Dan seterusnya, puisi juga boleh mencerminkan alam semula jadi dan keunikannya dapat menjadikan medium untuk menghargai alam tempatan dan memperkasakan — memperkasakan rasa — rasa identiti kebangsaan *tu* [itu] tadi *tu* [itu]. Dengan kita, buat puisi berkaitan dengan alam itu tadi, — negara pun orang luar pun tengok, contohnya saya kata puisi berkaitan dengan Pulau Bidong, contohnya. Apabila dibaca oleh

orang lain, “ Eh, hebat lah Pulau Bidong, *nok* [nak] gi tengok lah” haa *gitu* [begitu]. Itu akan jadi identiti pada identiti kebangsaan. Kalau dalam istilah sumbangan dari segi teater, untuk — untuk kebangsaan, untuk negara, melalui beberapa *ni* [ini] lah. Contohnya, macam teater *ni* [ini] dapat mewujudkan watak dan cerita yang mencerminkan pelbagai — aspek identiti kebangsaan menyentuh iaitu menyentuh isu-isu kehidupan — dan budaya masyarakat. Saya sebutkan tadi ada era modern apabila dah masuk — dan semua, dimana kaum, dari segi kaum boleh masukkan ke dalam *tu* [itu], jadi identiti-identiti tu dapat merangsang lagi — dari segi kebangsaannya lah, kebangsaan dalam bab-bab teater tu. Dan seterusnya adalah pementasan teater akan melibatkan penyatuan kumpulan manusia, macam yang saya kata tadi lah dalam mencipta karya seni, mewujudkan perasaan kebersamaan dan identiti kebangsaan. Jadi dengan kita ada, kita *duk join* (perlu menyertai) tengok sama ada dari segi penonton ataupun dari segi pelakon sendiri pun dua-dua *tu* [itu] terbabit dalam kerjasama yang erat, menguatkan antara satu sama lain. Jadi identiti kebangsaan, *napok doh tuu dok* [nampak dah tu kan]? *Sor* [Satu] lagi, teater juga akan memberi platform untuk menyatukan usul tradisional dengan inovatif, mencerminkan kemajuan serta kesinambungan identiti kebangsaan. Macam saya kata tadi *tulah* [itulah]. Teknologi-teknologi terkini *tu* [itu]. Teater juga dapat mencipta ruang untuk dialog dari fiksi mengenai isu-isu sosial, politik budaya. Jadi dengan teater kita tengok teater tadi *tu* [itu], mungkin kementerian, katakanlah kementerian kewangan contohnya, ataupun kementerian *gapo* [apa], dia tengok isu. “Oh politik *ni* [ini]”. Jadi akan ada

satu perbincangan, akan ada jadi polemik dan sebagainya. Jadi itu akan salah satu akan mencerminkan identiti kebangsaan dimana mungkin ada resolusi daripada persembahan tadi *tu* [itu] menceritakan tentang isu-isu politik tadi bagaimana pihak-pihak lain melihat *tu* [itu] nak — orang kata nak membersihkan — nak memberi nilai yang terbaik ke tidak, nak bagi — *ape* [apa] orang panggil nak memberi supaya tidak jadi yang tak elok lah maksudnya apabila tengok persembahan *tu* [itu] isu politik dalam pemimpin kalahkan pemimpin ni, jadi orang *hok* [yang] melibat — terlibat dengan politik pun kata “ bagus jugak *nii* [ini] mari kita *pakat* [bersekutu] bincang, kita cari cara mana nak atasi masalah *ni* [ini] haa contohnya gitu. Itu akan melibatkan identiti kebangsaan lah *tu* [itu], jadi melalui eksplorasi imaginatif, refleksi kolektif, dan penyerapan nilai-nilai budaya seni puisi dan teater (bunyi benda jatuh) menyumbang secara substantial dia panggil terhadap proses membentuk identiti kebangsaan. — dan mereka *ni* [ini] sama ada — orang-orang penggiat teater, penggiat puisi — (bunyi loceng) pelukis, *tak* [tidak] kiralah *sape* [siapa] asalkan penggiat seni dan budaya *je* [sahaja]. —*ape ni* [apa ini] — akan — mereka *ni* [ini] adalah cerminan kenyataan sosial dan spiritual masyarakat, akan membantu mengukuhkan ikatan dan jalinan diantara anggota masyarakat dalam kontek kebangsaan. Jadi kerjasama tadi *tu* [itu] kerjasama akan jadi sebuah identiti kebangsaan lah. Okay. *Pehe situ doh kot* [Faham dekat situ ya]. InsyaAllah.

## **TAMAT BAHAGIAN 6**

### **BAHAGIAN 7 : TAMAT**

**MH :** Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni sastera puisi dan teater ini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesulitan dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni puisi dan seni teater para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**TMS :** Terima kasih, sama-sama kerana sudi hadir ke Kampung Pasir Jelatang, Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Terima kasih banyak-banyak dan diharap — pendokumentasian ataupun temuramah ini dapat memberi impak yang baik lah sama ada kepada anda ataupun kepada masyarakat ataupun kepada pihak-pihak lain lah yang membaca ataupun — terlihat lah temuduga ini. Terima kasih banyak-banyak, nanti jumpa lagi, InsyaAllah.

# LAMPIRAN

# **LOG**

# **WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

MASA	TOPIK	HURAIAN
0:00 - 1:47	Latar belakang dan Tugas Tuan Maroof Bin Seman	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan Maroof menceritakan latar belakangnya dan tugasnya</li> </ul>
1:50 - 6:08	Keluarga, ibubapa dan adik beradik Tuan Maroof bin Seman dan perincian mengenai anak-anak Tuan Maroof bin Seman	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan Maroof Bin Seman dengan penuh kasih menceritakan keluarganya yang terdiri dari ibu, bapa, dan tiga orang adik beradik. Dalam uraian singkat, beliau memberikan informasi tentang keenam anaknya, termasuk pekerjaan dan aktivitas mereka. Dengan bangga, Tuan Maroof juga membagikan rincian perkahwinannya yang telah berlangsung lebih dari tiga puluh tahun.</li> </ul>
6:14 - 18:22	Sejarah pendidikan, subjek kegemaran jurusan, persatuan dan pertandingan seni di sekolah, kursus profesional	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan Maroof kongsi pengalaman pengajian universitinya, minat dalam bahasa Inggeris, pilihan jurusan, serta aktiviti dalam persatuan teater universiti dan pertandingan seni semasa sekolah rendah. Beliau sentuh perjuangan kewangan semasa pengajian dan pembelajaran ke arah aspek profesional di universiti, tanpa mengambil kursus profesional. Kesimpulannya, Tuan Maroof ringkas tentang pengalaman belajarnya.</li> </ul>
18:50 - 31:45	Pengalaman kerjaya awal, tugasan di pejabat Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan, penglibatan dalam seni sastera, kejayaan dan cabaran di bidang seni	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan Maroof merakamkan pengalaman awal kerjayanya selepas pengajian, termasuk peranan dalam pentadbiran pejabat dan tugas sebagai pegawai kebudayaan di Kelantan. Beliau berkongsi pengalaman mengurus artis budaya dan persembahan seni, termasuk Makyong. Keterlibatan dalam seni</li> </ul>

		<p>sastera, persatuan penulis, dan jawatankuasa teater ditekankan, sambil memberi penghargaan kepada tokoh seni seperti Marzuki Ali dan Abdul Aziz H.M. Kejayaan Tuan Maroof sebagai johan dalam Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan menjadi fokus utama, dengan pengakuan terhadap cabaran kewangan sebagai pengalaman berharga dalam kehidupan seninya.</p>
43:43 - 1:14:20	Penulisan puisi, gaya bahasa dalam puisi, cabaran dan kritikan dalam penulisan puisi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan Maroof mengulas pengalaman dan kaedah penghasilan puisi serta pengaruh tokoh seni. Beliau menekankan kepentingan gaya bahasa dalam puisi, khususnya cara menguatkan kesan emosional melalui metafora dan imejan. Berkongsi pengalaman mendapat kritikan membina, menjelaskan bagaimana kritikan meningkatkan kualiti karya seni. Tuan Maroof menyoroti peranan puisi sebagai saluran ekspresi, medium menyampaikan mesej sosial, dan keindahan seni sebagai hiburan.</li> </ul>
1:14:22 - 1:34:10	Sejarah Teater di Malaysia dan Era-Era Penting, Bentuk-Bentuk Teater Masa Kini, Proses Penghasilan Karya Terbaik, cabaran bidang teater dan puisi, pementasan teater dan modal, pelakon kanak-kanak dan penerbitan karya, ujibakat dan latihan persembahan teater	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan Maroof membahas evolusi teater di Malaysia dari klasik ke kontemporer, strategi untuk menghasilkan karya terbaik dalam seni puisi dan teater, serta cabaran teknikal. Dalam konteks penerimaan masyarakat dan kerjasama dengan Jabatan Kebudayaan Terengganu, Tuan Maroof membicarakan modal termasuk kos pengurusan, kostum, dan teknologi. Kesulitan pelakon kanak-kanak dalam menghafal skrip juga menjadi perbincangan, bersama pandangan tentang kerjasama</li> </ul>

		dengan syarikat penerbitan atau kementerian. Dalam proses pementasan, Tuan Maroof menekankan pentingnya ujibakat untuk pelakon teater, dengan latihan berjangka tiga hingga enam bulan.
1:34:11 - 1:42:37	Sumbangan dan pencapaian, sumbangan terhadap masyarakat, inspirasi kepada generasi baru, pengalaman dalam Sayembara Deklamasi Puisi, Mencipta Puisi untuk Pihak Lain, Projek Seni Teater yang Paling Berkesan, Strategi Menarik Penonton	Tuan Maroof menyumbang besar untuk Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan, aktif di bengkel-bengkel seni, dan mengendalikan kursus teater. Diskusi inspiratif tentang karya seni dan daya tariknya terhadap generasi baru. Pengalaman menang Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan dan tawaran mencipta puisi. Puncaknya, pengendalian persembahan teater "Abdul Rahman Limbong" dan strategi menarik penonton dengan teknologi dan promosi yang efektif.
1:42:37 - 1:57:09	Harapan Terhadap Rakan dan Generasi dalam Sastera Puisi dan Teater, Pandangan Masyarakat Terhadap Tuan Maroof di Awal Keterlibatan, Harapan Terhadap Penonton Teater, Inovasi dalam Seni Puisi untuk menarik Penonton, Harapan Terhadap Sokongan Pihak Berkuasa dalam Seni Teater, Sumbangan Seni Puisi dan Teater kepada Pembentukan Identiti Kebangsaan	Tuan Maroof menekankan sumbangan terbaik dan penguasaan asas seni untuk membentuk identiti kebangsaan. Prestasinya dalam seni puisi dan teater mencipta pandangan positif masyarakat, menjadi teladan dihormati. Harapannya bukan hanya jumlah penonton, tetapi kualitasnya, terutama sepuluh orang yang memahami seni. Strategi utamanya adalah penerapan teknologi terkini, inovasi dalam promosi, dan sokongan dana dari pihak berkuasa. Baginya, seni puisi dan teater memiliki peran penting dalam menyatukan masyarakat melalui pengekspresian rasa kebangsaan, ungkapan emosi, pemeliharaan budaya, dan pementasan teater.

# **DIARI KAJIAN**

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 a.m.	11/10/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Nurulanissa memberi penerangan tentang subjek yang diambil pada semester ini “Oral History” dan Puan Nurulanissa membuat keputusan untuk memilih tema “Tokoh Artis Veteran” sebagai tugas projek kajian lisan kami pada semester ini.</li> <li>• Puan Nurulanissa menerangkan tentang projek kajian lisan ini dan meminta kami untuk membentuk kumpulan sebanyak dua orang satu kumpulan dan kemudian boleh mencari dahulu tokoh-tokoh yang sesuai dengan kriteria yang diberitahu oleh Puan Nurulanissa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami mencatat sedikit sebanyak tentang maklumat projek yang akan kami jalankan pada semester ini.</li> <li>• Kami memilih rakan sekumpulan kami (2 orang satu kumpulan) dan memikirkan tentang tokoh yang akan dipilih.</li> </ul>
1.30 p.m.	12/10/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Nurulanissa memaklumkan kepada kami tentang perubahan tema kajian lisan pada semester ini kepada “Tokoh Warisan Budaya dan Tokoh Kandungan Tempatan”.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami mencaritokoh yang sesuai dengan tema yang diberi oleh Puan Nurulaniss.</li> </ul>

2.50 p.m	2/11/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami membuat pencarian tentang “Tokoh Warisan Budaya dan Tokoh Kandungan Tempatan” di media sosial dan bertanya kepada rakan-rakan atau keluarga tentang tokoh projek kami.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami berbincang dan membuat pilihan untuk memilih Tuan Maroof bin Seman sebagai Tokoh Warisan Budaya kerana beliau adalah seorang seni sastera puisi dan teater</li> </ul>
10.00 p.m.	10/11/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanya kepada Puan Nurulanissa tentang tokoh yang dipilih oleh kami berdua sebagai projek kajian lisan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami mendapat persetujuan daripada Puan Nurulaniss untuk meneruskan dengan pemilihan tokoh kami.</li> </ul>
3.30 p.m.	16/11/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami menghubungi Tuan Maroof Bin Seman untuk bertanyakan tentang kesudian beliau untuk kami menemubual beliau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami mendapat persetujuan dari Tuan Maroof Bin Seman</li> </ul>
10.00 a.m	22/11/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami menunjukkan draf soalan yang akan ditanya kepada Tuan Maroof Seman kepada Puan Nurulaniss untuk mendapatkan kelulusan soalan tersebut</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami dikehendaki untuk memperbaiki balik soalan tersebut.</li> </ul>
9.00 a.m.	1/12/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami membuat rundingan secara bersemuka dengan Puan Nurulanissa tentang soalan-soalan yang akan ditanyakan oleh Tuan Maroof Seman.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami mendapat kelulusan dengan soalan-soalan untuk ditemubual.</li> </ul>
12.00 p.m	7/12/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi Tuan Maroof Bin Seman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menetapkan</li> </ul>

			tarikh, masa dan lokasi untuk kami menemubual beliau.
10.00 a.m.	17/12/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat pengesahan projek pelajar bagi subjek IMR604: Oral Documentation</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kami sudah menerima surat pengesahan dari pihak HEA melalui e-mel.</li> </ul>
3.00 p.m.	3/1/2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Temubual secara bersemuka bersama Tuan Maroof Bin Seman di kediaman beliau yang berada di Kampung Pasir Jelatang, Kubang Kerian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Temubual bermula</li> </ul>
5.00 p.m.	3/1/2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Temubual selesai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kami berterima kasih kepada Tuan Maroof Bin Seman kerana sudi untuk ditemubualka tentang projek kajian lisan kami dan kami juga memberi sedikit buah tangan beliau sebagai tanda penghargaan.</li> </ul>

# **SENARAI SOALAN**

## **SEBELUM INTERVIEW**

### **BAHAGIANA: LATAR BELAKANG TOKOH**

1. Apakah nama penuh Tuan?
2. Apakah nama panggilan Tuan?
3. Mengapakah Tuan dipanggil begitu? Mungkin ada kisah disebalik nama tersebut
4. Di mana tuan dilahirkan dan dibesarkan ?
5. Bolehkah Tuan ceritakan secara terperinci mengenai latar belakang tentang diri Tuan?
6. Jika tidak keberatan, boleh Tuan ceritakan serba sedikit mengenai keluarga Tuan
  - Nama ibu
  - Nama bapa
  - Bilangan adik beradik
  - Anak keberapa
  - Berapa tahun sudah mendirikan rumah tangga
  - Nama isteri
  - Umur isteri
  - Pekerjaan isteri
  - Tarikh perkahwinan
  - Bilangan anak-anak
  - Nama anak-anak
  - Umur anak-anak
7. Dimanakah anak-anak Tuan sedang belajar?
8. Apakah hobi Tuan bagi mengisi masa lapang?

### **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN**

1. Boleh Tuan ceritakan serba sedikit mengenai sejarah pendidikan bermula dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah dan adakah Tuan melanjutkan pengajian ke peringkat university ?
2. Apakah subjek kegemaran tuan sewaktu di sekolah?

3. Adakah Tuan meminati jurusan yang diambil sewaktu di peringkat universiti ?
4. Apakah yang menyebabkan Tuan berminat dengan jurusan tersebut?
5. Semasa belajar, apakah persatuan yang Tuan sertai ?
6. Adakah persatuan ini berkait dengan bidang pengajian Tuan?
7. Pernahkah Tuan menyertai apa-apa pertandingan yang berkaitan dengan seni di sekolah dahulu ?
8. Bolehkah Tuan ceritakan sedikit pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang menjalani pengajian di universiti?
9. Adakah Tuan pernah mengikuti kursus-kursus professional lain ?
10. Apakah pengalaman manis yang tuan tidak dapat lupakan sewaktu belajar?

#### BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL

1. Boleh Tuan terangkan kerjaya pertama Tuan setelah tamat pengajian ?
2. Bagaimakah Tuan boleh menceburkan diri dalam bidang seni sastra ?
3. Menurut kajian saya, Tuan sedang berkhidmat di Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan. Apakah tugas yang digalas oleh Tuan?
4. Berapa lamakah Tuan berkhidmat di Jabatan Budaya Kelantan ini?
5. Siapakah yang memberi tuan dorongan untuk menjadiseorang seni sastera?
6. Selalunya akan ada seorang idola yang boleh memberi inspirasi kepada seseorang. Jadi saya nak tanya tuan, tuan ada idola yang memberi inspirasi kepada tuan untuk menceburi bidang ini ?
7. Apakah kejayaan yang tidak boleh dilupakan oleh Tuan semasa berada dalam bidang ini ?
8. Boleh Tuan ceritakan pengalaman manis Tuan semasa menceburi bidang seni sastera ini?
9. Bagaimana pula dengan pengalaman pahit, boleh Tuan ceritakan sedikit sebanyak?
10. Apakah cabaran yang dihadapi tuan semasa menceburi bidang seni sastera?

## BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

- I. Penulisan dan penghasilan Puisi I. Bagi penghasilan puisi pula, adakah ianya sukar?
- II. Adakah aspek gaya bahasa di dalam puisi itu penting dan perlu dititik beratkan?
- III. Adakah proses sintaksis perlu diadakan selepas menyiapkan sebuah puisi?
- IV. Bagi menyiapkan sebuah puisi, adakah ia mengambil masa yang lama?
- V. Adakah puisi tuan pernah terbit di dalam mana-mana buku atau lain-lain ?
- VI. Pernahkan Tuan mendapat sebarang kritikan untuk hasil karya seni Tuan ?
- VII. Apakah cabaran yang dihadapi untuk menghasilkan sesebuah skrip sama ada darisegi morfologi mahupun sintaksis?
- VIII. Setiap penyair mempunyai suara yang berbeza. Bagaimanakah anda menerangkan suara puisi anda, dan bagaimanakah ia berkembang dari semasa ke semasa?
- IX. Pada pandangan anda, apakah peranan puisi dalam masyarakat kini? Bagaimanakah puisi menyumbang kepada perbualan budaya?
- X. Puisi sering dikaitkan dengan emosi. Bagaimanakah anda menavigasi keseimbangan antara ekspresi peribadi dan mencipta sesuatu yang bergema secara universal?

## 2. BIDANG TEATER

- I. Bolehkah Tuan jelaskan apa itu teater?
- II. Apakah sejarah teater?
- III. Pada era bilakah seni teater mula popular?
- IV. Apakah jenis seni teater yang Tuan gemari?
- V. Adakah seni teater dan juga seni lakonan yang lain seperti sketsa dan drama mempunyai perbezaan?
- VI. Adakah seni teater senang untuk dipelajari?

VII. Adakah teater kanak-kanak dan teater umum yang dilakukan oleh orang dewasa mempunyai perbezaan yang ketara?

VIII. Jika terdapat individu yang ingin menceburi bidang teater ini, apakah ciri ataupun kriteria yang perlu ada?

IX. Adakah persempahan teater masih mempunyai tempat dan diminati masyarakat masa kini?

X. Adakah trend-trend semasa penting dan menyumbang kepada penghasilan teater yang terbaik?

XI. Adakah Tuan mempunyai cara dan juga inisiatif bagi mengekalkan penghasilan karya yang terbaik?

XII. Adakah trend-trend semasa penting dan menyumbang kepada penghasilan teater yang terbaik?

XIII. Boleh saya tahu, bakat dalam bidang teater yang Tuan ada kini diwarisi daripada siapa?

XIV. Selain daripada teater dan seni-berbahasa ini, adakah Tuan mempunyai kemahiran dalam bidang seni lain?

XV. Bagi Tuan, apakah aspek paling mencabar ataupun sukar dalam bidang teater dan seni berbahasa ini?

XVI. Semasa penerbitan karya pertama Tuan sama ada dari segi pementasan teater dan juga penulisan, apakah penerimaan masyarakat setempat terhadap Tuan?

### 3. PERSEMPAHAN TEATER

I. Untuk pementasan teater, adakah ianya melibatkan banyak pihak?

II. Adakah Tuan menghadapi cabaran untuk pemilihan pelakon yang sesuai bagi setiap watak?

III. Bagi setiap pementasan teater, berapakah modal yang diperlukan untuk sebuah persempahan?

IV. Bagi pementasan teater kanak-kanak, adakah pelakon kanak-kanak itu sendiri menghadapi kesukaran untuk menghafal skrip?

V. Adakah Tuan dapat mengenal pasti perbezaan di antara pementasan teater sewaktu di awal penglibatan Tuan dahulu dengan pementasan teater yang moden kini?

VI. Selain dari pementasan teater, apakah Tuan berminat untuk menceburi dalam bidang seni lakonan yang lain?

VII. Berapa lamakah Tuan mula berteater di dalam saluran TV atau sosial media ini?

VIII. Untuk menerbitkan sebuah karya, adakah syarikat penerbit itu memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan pihak Tuan?

IX. Antara pementasan teater yang diarahkan oleh Tuan, adakah Tuan sendiri dapat mengenal pasti teater manakah yang paling mendapat sambutan hangat daripada penonton?

X. Selain daripada cabaran dalam pemilihan pelakon, adakah Tuan sendiri pernah menghadapi situasi di mana barisan pelakon ingin menarik diri?

XI. Untuk menjadi pelakon teater, adakah perlu menghadiri ke ujibakat terlebih dahulu?

XII. Jika tidak keberatan, bolehkan Tuan kongsikan sedikit cara untuk pelakon menjawai watak yang perlu dibawa mereka?

XIII. Berapakah latihan biasanya untuk membuat satu persembahan teater XIV. Teater jenis apakah yang tuan pernah buat ?

XV. Adakah anda pernah menerima undangan untuk membuat persembahan teater di luar atau sebagainya?

#### **BAHAGIAN H: SUMBANGAN & PENCAPAIAN**

- 1) Apakah sumbangan atau pencapaian yang paling Tuan ingati ?
- 2) Sepanjang berkhidmat di Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan ini, apakah sumbangan terbesar yang telah Tuan berikan ?
- 3) Apakah sumbangan Tuan terhadap masyarakat sepanjang berada dalam bidang ini?
- 4) Adakah hasil karya Tuan dapat memberi inspirasi kepada generasi baru kini ?
- 5) Menurut kajian saya, Tuan pernah menujuarai Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan Negeri Kelantan pada 22 Julai 1990. Bolehkah Tuan ceritakan mengenai kejayaan tersebut?
- 6) Adakah tuan pernah menerima tawaran untuk mencipta puisi untuk pihak lain? Jika ya, tuan meminta bayaran atau sekadar penghargaan sahaja?
- 7) Bagaimana seni puisi dapat digunakan sebagai sarana untuk menyampaikan pesan kritis atau menyuarakan isu-isu sosial yang relevan?

- 8) Pencapaian apa yang dapat dihasilkan melalui seni teater dalam membentuk kesadaran sosial dan menggugah emosi penonton?
- 9) Bolehkah anda sebutkan satu projek seni teater yang paling berkesan yang anda kendalikan?
- 10) Apakah strategi tuan dalam menarik lebih ramai penonton ke acara seni teater yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan?

#### **BAHAGIAN I: HARAPAN**

- 1) Apakah harapan Tuan kepada rakan-rakan seperjuangan Tuan?
- 2) Apakah cita-cita yang belum dicapai dan ingin dicapai oleh Tuan?
- 3) Apa pandangan masyarakatsaat Tuan mula berkecimpung dalam bidang seni sastera puisi dan juga seni teater?
- 4) Apakah nasihat dan harapan Tuan kepada generasi yang sedang dan akan terlibat dalam bidang sastera puisi dan teater ini ?
- 5) Apakah harapan Tuan kepada penonton yang pernah menonton teater hasil pengarahan Tuan?
- 6) Adakah Tuan mempunyai hajat untuk mengadakan pementasan teater di luar negara pula selepas ini?
- 7) Apakah perubahan atau inovasi yang Tuan harapkan dapat dibawa ke dalam seni puisi untuk menarik lebih banyak penonton?
- 8) Bagaimana Tuan ingin melihat pengiktirafan dan sokongan terhadap seni teater dari pihak berkuasa di masa depan?
- 9) Apa harapan Tuan terhadap perkembangan seni puisi di masa hadapan setelah meninggalkan Jabatan Kebudayaan?
- 10) Bagaimana Tuan berharap agar seni puisi dan seni teater dapat memberisumbangan kepada pembentukan identiti kebangsaan?

## **SELEPAS INTERVIEW**

### **BAHAGIANA: LATAR BELAKANG TOKOH**

1. Apakah nama penuh Tuan?
2. Di mana tuan dilahirkan dan dibesarkan ?
3. Bolehkah Tuan ceritakan secara terperinci mengenai latar belakang tentang diri Tuan?
4. Jika tidak keberatan, boleh Tuan ceritakan serba sedikit mengenai keluarga Tuan
  - Nama ibu
  - Nama bapa
  - Bilangan adik beradik
  - Anak keberapa
  - Berapa tahun sudah mendirikan rumah tangga
  - Nama isteri
  - Umur isteri
  - Pekerjaan isteri
  - Tarikh perkahwinan
  - Bilangan anak-anak
  - Nama anak-anak
  - Umur anak-anak

### **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN**

1. Boleh Tuan ceritakan serba sedikit mengenai sejarah pendidikan bermula dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah dan adakah Tuan melanjutkan pengajian ke peringkat university ?
2. Apakah subjek kegemaran tuan sewaktu di sekolah?
3. Adakah Tuan meminati jurusan yang diambil sewaktu di peringkat universiti ?
4. Semasa belajar, apakah persatuan yang Tuan sertai ?
7. Pernahkah Tuan menyertai apa-apa pertandingan yang berkaitan dengan seni di sekolah dahulu ?
8. Adakah Tuan pernah mengikuti kursus-kursus professional lain ?

9. Apakah pengalaman manis yang tuan tidak dapat lupakan sewaktu belajar?

### **BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL**

1. Boleh Tuan terangkan kerjaya pertama Tuan setelah tamat pengajian ?
2. Bagaimanakah Tuan boleh menceburkan diri dalam bidang seni sastra ?
3. Menurut kajian saya, Tuan sedang berkhidmat di Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan. Apakah tugas yang digalas oleh Tuan?
4. Selalunya akan ada seorang idola yang boleh memberi inspirasi kepada seseorang. Jadi saya nak tanya tuan, tuan ada idola yang memberi inspirasi kepada tuan untuk menceburni bidang ini ?
5. Apakah kejayaan yang tidak boleh dilupakan oleh Tuan semasa berada dalam bidang ini ?
6. Boleh Tuan ceritakan pengalaman manis Tuan semasa menceburni bidang seni sastera ini?
7. Apakah cabaran yang dihadapi tuan semasa menceburni bidang seni sastera?

### **BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA**

#### **1. Penulisan dan penghasilan Puisi**

- I. Bagi penghasilan puisi pula, adakah ianya sukar?
- II. Adakah aspek gaya bahasa di dalam puisi itu penting dan perlu dititik beratkan?
- III. Bagi menyiapkan sebuah puisi, adakah ia mengambil masa yang lama?
- VI. Adakah puisi tuan pernah terbit di dalam mana-mana buku atau lain-lain ?
- V. Pernahkan Tuan mendapat sebarang kritikan untuk hasil karya seni Tuan ?
- VI. Apakah cabaran yang dihadapi untuk menghasilkan sebuah skrip sama ada darisegi morfologi mahupun sintaksis?
- VII. Pada pandangan anda, apakah peranan puisi dalam masyarakat kini? Bagaimanakah puisi menyumbang kepada perbualan budaya?

VII. Bagaimana seni puisi dapat digunakan sebagai sarana untuk menyampaikan pesan kriteria atau menyuarakan isu-isu sosial yang relevan

## 2. BIDANG TEATER

I. Apakah sejarah teater? Bolehkah Tuan jelaskan apa itu teater dan bilakah zaman seni teater mulai popular

II. Dalam lingkungan mana tuan gemari apabila berkait dengan teater

III. Adakah seni teater dan juga seni lakonan yang lain seperti sketsa dan drama mempunyai perbezaan?

IV. Adakah seni teater senang untuk dipelajari?

V. Adakah teater kanak-kanak dan teater umum yang dilakukan oleh orang dewasa mempunyai perbezaan yang ketara?

VI. Adakah persembahan teater masih mempunyai tempat dan diminati masyarakat masa kini?

VII. Apakah berbagai bentuk teater masa kini ini yang dapat menyumbang kepada teater yang baik?

VIII. Adakah Tuan mempunyai cara dan juga inisiatif bagi mengekalkan penghasilan karya yang terbaik?

IX. Boleh saya tahu, bakat dalam bidang teater yang Tuan ada kini diwarisi daripada siapa?

X. Selain daripada teater dan puisi ini, adakah Tuan mempunyai kemahiran dalam bidang seni lain?

XI. Apakah aspek paling mencabar ataupun sukar dalam bidang teater dan puisi ini?

XVI. Semasa penerbitan karya pertama Tuan sama ada dari segi pementasan teater dan juga penulisan, apakah penerimaan masyarakat setempat terhadap Tuan?

## 3. PERSEMBAHAN TEATER

I. Untuk pementasan teater, adakah ianya melibatkan banyak pihak?

II. Adakah Tuan menghadapi cabaran untuk pemilihan pelakon yang sesuai bagi setiap watak?

- III. Bagi setiap pementasan teater, berapakah modal yang diperlukan untuk sebuah persembahan?
- IV. Bagi pementasan teater kanak-kanak, adakah pelakon kanak-kanak itu sendiri menghadapi kesukaran untuk menghafal skrip?
- V. Untuk menerbitkan sebuah karya, adakah syarikat penerbit itu memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan pihak Tuan?
- VI. Untuk menjadi pelakon teater, adakah perlu menghadiri ke ujibakat terlebih dahulu?
- VII. Berapakah latihan biasanya untuk membuat satu persembahan teater
- VIII. Adakah anda pernah menerima undangan untuk membuat persembahan teater di luar atau sebagainya?
- IX. Adakah tuan mempunyai cita-cita yang belum dicapai dan hajat untuk mengadakan pementasan teater di luar pula selepas ini ?

#### **BAHAGIAN H: SUMBANGAN & PENCAPAIAN**

- 1) Sepanjang berkhidmat di Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan ini, apakah sumbangan terbesar yang telah Tuan berikan ?
- 2) Apakah sumbangan Tuan terhadap masyarakat sepanjang berada dalam bidang ini?
- 3) Adakah hasil karya Tuan dapat memberi inspirasi kepada generasi baru kini ?
- 4) Menurut pengamatan kami, Tuan pernah merjuarai Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan pada tahun 1997. Bolehkah Tuan ceritakan sedikit mengenai pengalaman tersebut?
- 5) Adakah tuan pernah menerima tawaran untuk mencipta puisi untuk pihak lain? Jika ya, tuan meminta bayaran atau sekadar penghargaan sahaja?
- 6) Bolehkah tuan sebutkan satu projek seni teater yang paling berkesan yang anda kendalikan?
- 7) Apakah strategi tuan dalam menarik lebih ramai penonton ke acara seni teater yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan?

## **BAHAGIAN I: HARAPAN**

- 1) Apakah harapan Tuan kepada rakan-rakan seperjuangan Tuan dan kepada generasi yang sedang dan akan terlibat dalam bidang sastera puisi dan teater ini
- 2) Apa pandangan masyarakat saat Tuan mula berkecimpung dalam bidang seni sastera puisi dan juga seni teater?
- 3) Apakah harapan Tuan kepada penonton yang pernah menonton teater hasil pengarahan Tuan?
- 4) Apakah perubahan atau inovasi yang Tuan harapkan dapat dibawa ke dalam seni puisi untuk menarik lebih banyak penonton?
- 5) Bagaimana Tuan ingin melihat pengiktirafan dan sokongan terhadap seni teater dari pihak berkuasa di masa depan?
- 6) Bagaimana Tuan berharap agar seni puisi dan seni teater dapat memberi sumbangan kepada pembentukan identiti kebangsaan?

# **SURAT PERJANJIAN**

## **SURAT PERJANJIAN**



### **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya Maroof bin Seman K/P \_\_\_\_\_ pada 3/1/2024 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakandi antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh( interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

(Nama tokoh : Maroof Bin Seman )  
Tarikh: 3/1/2024

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# **GAMBAR DAN SIJIL PENGHARGAAN**





# **INDEKS**

<b>A</b>	<b>B</b>
<p>Artis, 30, 31, 38, 48, 49, 52, 57, 58, 60</p> <p>Alam, 34, 36, 39, 59, 73</p> <p>Aspek, 30, 35, 44, 51, 54, 74</p> <p>Alat, 38, 51</p> <p>Artistik, 38, 48, 52</p> <p>Aksi, 40, 42</p> <p>Asas, 44, 55, 56, 69</p>	<p>Bengkel, 64, 65</p> <p>Budaya, 30, 31, 32, 33, 34, 38, 41, 47, 69, 72, 73, 74, 75</p> <p>Bahasa, 26, 36, 38, 41, 46, 51, 73</p> <p>Bangsawan, 40, 41, 42, 51</p> <p>Berkecimpung, 58, 69</p> <p>Bantuan, 39, 56, 72</p>
<b>C</b>	<b>D</b>
<p>Cabaran, 34, 37, 41, 44, 51, 52, 54, 55, 66</p> <p>Ceburi, 28, 32, 33, 34, 44, 49</p>	<p>Dialog, 40, 43, 46, 54, 74</p> <p>Deklamasi, 33, 63, 65, 66, 71</p>
<b>E</b>	<b>F</b>
<p>Era, 40, 41, 74</p> <p>Elemen, 40, 41, 43, 63, 73</p> <p>Eksplorasi, 44, 75</p> <p>Ekspresi, 38, 73</p> <p>Emosi, 37, 38, 47, 73</p>	<p>Filem, 43, 47, 48</p> <p>Fokus, 26, 34, 42</p>

<b>H</b>	<b>I</b>
Hasil, 36, 37, 65, 70, 76 Harapan, 69, 70	Identiti, 72, 73, 74, 75 Interaktif, 46, 47 Idea, 36, 63
<b>J</b>	<b>K</b>
Johan, 33, 66, 67, 69 Jabatan, 21, 24, 25, 26, 30, 31, 52, 53, 56, 58, 60, 64, 66, 68 Jawatan, 25, 30	Kelantan, 20, 21, 26, 30, 31, 32, 64, 76 Kubang Kerian, 20, 21, 24, 76 Kesenian, 21, 24, 25, 26, 30 Kebudayaan, 21, 24, 25, 26, 29, 30, 52, 53, 59, 72
<b>L</b>	<b>M</b>
Lakonan, 30, 42, 44, 46, 48, 49, 54, 55, 61 Langsung, 42, 43, 47, 53	Malaysia, 25, 30, 35, 37, 40, 41, 63, 66, 67, 69, 70 Metafora, 36, 38, 39 Melodrama, 48, 57 Melodi, 48, 57 Mak Yong, 30, 31, 41
<b>N</b>	<b>P</b>
Negara, 25, 26, 30, 36, 58, 62, 63, 64, 73, 74 Negeri, 21, 25, 26, 30, 31, 59, 62, 63, 64, 66	Politik, 36, 38, 57, 74, 75 Penulis, 31, 36, 38, 52, 61, 65, 66, 67, 72 Penulisan, 25, 35, 36, 37, 39, 44, 51, 52, 69,

	71, 72 Penggiat, 72, 75
<b>R</b>	<b>S</b>  Ramai, 53, 56, 68, 70, 71, 72 Realiti, 41, 45, 60 Realis, 42, 45, 48, 57, 60
<b>T</b>	<b>U</b>  Terengganu, 30, 31, 32, 52, 53, 58, 59, 61, 62 Teater, 24, 25, 27, 29, 31, 32, 35, 40, 41, 42, 44, 45, 47, 48, 51, 53, 56, 58, 62, 63, 68, 70, 74
<b>W</b>	<b>Z</b>  Watak, 54, 55, 61, 69, 74 Waktu, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 32, 36, 37, 40, 50, 52